

**KECERDASAN EMOSI WATAK WANITA
MENERUSI NOVEL *OLUMNIS* KARYA
DAYANG NAZIRAH TAHIR**

NUR AMIRAH BINTI MOHD ZAINOL

UNIVERSITI

MALAYSIA

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN

2024



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**KECERDASAN EMOSI WATAK WANITA
MENERUSI NOVEL *OLUMNIS* KARYA DAYANG
NAZIRAH TAHIR**

NUR AMIRAH BINTI MOHD ZAINOL

(C20A1563)

**Tesis yang dikemukakan adalah untuk memenuhi sebahagian
daripada syarat untuk memperolehi ijazah sarjana muda
pengajian warisan dengan kepujian**

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

FEBRUARI 2024

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah

SULIT

Dari tarikh _____ sehingga _____

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.



Tandatangan Pelajar



Tandatangan Penyelia

Nama Pelajar: Nur Amirah Binti Mohd Zainol

No. Kad Pengenalan: 000208-02-0140

Tarikh: 15 Februari 2024

Nama Penyelia: Encik Sudirman Bin Kiffli

Tarikh : **15 FEBRUARI 2024**

PENGHARGAAN

Bismilahirrahmanirrahim dan Assalamualaikum.

Allahmdulillah, dengan penuh kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya dapat saya menyiapkan kajian ini. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Terima kasih tidak terhingga kepada Allah SWT kerana telah memberikan kesihatan yang baik serta kekuatan kepada saya dalam menyiapkan projek penyelidikan ini bagi memenuhi syarat Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Kejayaan dalam menyiapkan tugas ini juga banyak melibatkan beberapa pihak yang menjadi tulang belakang dalam membantu saya secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan tugas ini dengan baik.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada penyelia saya Encik Sudirman Bin Kiffli yang banyak memberikan nasihat dan tunjuk ajar serta bimbingan dalam menyiapkan kajian ini dengan sempurna. Tidak juga dilupakan kepada ibu bapa saya yang banyak memberikan dorongan dan kata-kata semangat kepada saya untuk menyiapkan penyelidikan ini. Turut tidak dilupakan rakan-rakan yang banyak membantu memberikan tunjuk ajar serta memberikan nasihat kepada saya sepanjang menyiapkan tugas ini. Segala jasa baik semua pihak amat saya hargai dan tidak akan saya lupakan sampai bila-bila.

Akhir kata, sekalung penghargaan diberikan kepada pihak Universiti Malaysia Kelantan kerana memberikan peluang dan ruang kepada saya untuk membina pontensi dan melangkah lebih jauh dalam bidang Kesusasteraan dengan lebih meluas. Sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas segala bantuan yang diberikan dan saya juga ingin memohon maaf atas segala kekurangan dan kelemahan yang datang dari saya sendiri.

Sekian, Terima Kasih.

Nur Amirah Binti Mohd Zainol

15 Februari 2024

3 Syaaban 1445H

ISI KANDUNGAN

	HALAMAN
PERAKUAN TESIS	i
PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	vi
SENARAI RAJAH	vii
ABSTRAK	viii
ABSTRACT	xi
BAB 1: PENGENALAN	
1.0 Pendahuluan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Permasalahan Kajian	6
1.3 Persoalan Kajian	8
1.4 Objektif Kajian	9
1.5 Batasan Kajian	10
1.6 Kepentingan Kajian	12
1.7 Metodologi Kajian	16
1.7.1 Kaedah Kajian	16
1.7.2 Kaedah Kepustakaan	16
1.7.3 Analisis Teksual	16
1.7.4 Laman Sesawang	17
1.7.5 Kerangka Teori	17
1.7 Organisasi Kajian	18
1.8 Kesimpulan	20

BAB 2: SOROTAN KAJIAN LEPAS

2.0 Pengenalan	21
2.1 Sorotan Kajian	21
2.1.1 Kajian Berkaitan Dengan Watak	21
2.1.2 Kajian Berkaitan Dengan Novel Terpilih	26
2.1.3 Kajian Berkaitan Dengan Penggunaan Teori Kecerdasan Emosi	31
2.2 Kesimpulan	36

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan	37
3.1 Reka Bentuk Kajian	37
3.2 Kaedah Kajian	37
3.2.1 Keadah Kepustakaan	38
3.2.2 Analisis Teks	38
3.2.3 Laman Sesawang Berkaitan Artikel	39
3.3 Carta Alir Mitodologi Penyelidikan	43
3.4 Teori Kecerdasan Emosi	44
3.4.1 Komponen Kesedaran Peribadi	45
3.4.2 Komponen Kesedaran Sosial	47
3.5 Pemilihan Komponen Terhadap Kajian	49
3.6 Kerangka Konseptual	50
3.7 Kesimpulan	51

BAB 4 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan	52
4.1 Bentuk-Bentuk Kecerdasan Emosi Goleman Berdasarkan Watak Wanita Dalam Novel <i>Olumnis</i> karya Dayang Nazirah Tahir	52
4.1.1 Bentuk-Bentuk Emosi Positif	53
4.1.2 Bentuk -Bentuk Emosi Negatif	61

4.2 Model Kecerdasan Emosi (MKE) Dalam Novel <i>Olumnis</i> Karya Dayang Nazirah Tahir	69
4.2.1 Komponen Kecerdasan Emosi	70
4.2.1.1 Kesedaran Peribadi	70
4.2.1.2 Kesedaran Sosial	80
4.3 Kesimpulan	86
BAB 5 KESIMPULAN	
5.0 Pengenalan	87
5.1 Kesimpulan Kajian	87
5.2 Cadangan Kajian	89
5.2.1 Pengkaji Lain	90
5.2.2 Masyarakat	92
5.2.3 Negara	93
5.3 Penutup	94
RUJUKAN	96

SENARAI JADUAL

	PERKARA	HALAMAN
Jadual 1:	Komponen Kecerdasan Emosi Menurut Danial Goleman	66

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

SENARAI RAJAH

PERKARA	HALAMAN
Rajah 1: Kerangka Teori Danial Goleman	17
Rajah 2: Carta Alir Mitodologi Penyelidikan Kajian	40
Rajah 3: Kerangka Konseptual Terhadap Kajian	47
Rajah 4: Bentuk-Bentuk Emosi Menurut Danial Goleman	50

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Kecerdasan Emosi Watak Wanita Menerusi Novel *Olumnis* Karya Dayang Nazirah Tahir

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti bentuk-bentuk emosi watak wanita menerusi novel *Olumnis* (2018) karya Dayang Nazirah Tahir dengan menggunakan Teori Kecerdasan Emosi Danial Goleman (1995). Kajian ini berfokuskan kepada watak wanita berdasarkan novel tersebut. Objektif kajian adalah mengenal pasti bentuk-bentuk emosi watak wanita dan menganalisis kecerdasan emosi yang terdapat pada watak wanita berdasarkan Model Kecerdasan Emosi (MKE) dalam novel *Olumnis* (2018) karya Dayang Nazirah Tahir. Bentuk-bentuk emosi watak wanita yang dikesan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu emosi positif dan emosi negatif. Bentuk emosi positif dan emosi negatif terdiri daripada emosi marah, sedih, benci, bahagia, malu dan hormat. Kajian ini juga menganalisis kecerdasan emosi berdasarkan Model Kecerdasan Emosi (MKE) yang meliputi dua komponen iaitu kesedaran peribadi dan kesedaran sosial yang meliputi lima aspek iaitu Mengenal Emosi, Mengurus Emosi, Memotivasikan Diri, Empati, dan Kemahiran Sosial. Kajian ini juga menggunakan pendekatan kualitatif iaitu merangkumi kaedah keperpustakaan, rujukan laman sesawang dan analisis teks serta penggunaan Teori Kecerdasan Emosi Goleman (1995). Hasil kajian menunjukkan kesemua komponen bersesuaian dengan penerapan Teori Kecerdasan Emosi Goleman (1995) dan menepati objektif kajian.

Kata kunci: emosi, komponen, Model Kecerdasan Emosi (MKE), wanita

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Emotional Intelligence of Female Characters Through the novel Olumnis by Dayang Nazirah Tahir

ABSTRACT

The study aims to identify the emotional forms of the female character through the novel Olumnis (2018) by Dayang Nazirah Tahir using Danial Goleman's Theory of Emotional Intelligence (1995). This study focuses on female characters based on the novel. The objective of the study was to identify the emotional forms of the female character and to analyze the Emotional Intelligence that exists in female characters based on the Model of Emotional Intelligence (MKE) in the novel Olumnis (2018) by Dayang Nazirah Tahir. The emotional forms of the female character detected are divided into two parts, one positive emotion and one negative emotion. The forms of positive and negative emotions consist of anger, sadness, hatred, happiness, shame and respect. The study also analyzed emotional intelligence based on the Emotional Intelligence Model (MKE) which covers two components: personal awareness and social awareness that covers five aspects: Emotional recognition, Emotional management, Self-motivation, Empathy, and Social Skills. The study also used a qualitative approach that includes library methods, reference sites and text analysis, as well as the use of Goleman's Theory of Emotional Intelligence (1995).

Keywords: emotions, components, Models of Emotional Intelligence (MKE), Female

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Pada bab ini, pengkaji akan merungkaikan beberapa perkara penting yang merangkumi keseluruhan teks kajian ini. Sehubungan dengan itu, pengkaji akan menyentuh secara menyeluruh tentang aspek-aspek yang akan dikaji. Antara perkara yang akan dipaparkan ialah latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian, metodologi kajian, organisasi kajian dan kesimpulan.

1.1 Latar Belakang Kajian

Karya sastra merupakan salah satu medium penyampaian kehidupan secara sosial melalui karya sastra. Sastra merupakan salah sebuah pemikiran yang terhasil dari manusia dan digambarkan mempunyai unsur keindahan yang dapat dirasai oleh semua manusia. Menurut Sumardjo & Saini (1997) sastra merupakan ungkapan secara sendiri yang dilakukan manusia meliputi pengalaman, pemikiran, perasaan, idea dan keyakinan dalam suatu bentuk gambaran yang khusus dengan menggunakan bahasa yang benar. Oleh itu, sastra dijadikan sebagai medium penyampaian idea kreatif berdasarkan kehidupan seharian yang menggunakan bahasa sebagai medium penyampaian ilmu. Sesebuah karya sastra dapat digunakan dalam pelbagai media terutamanya dalam karya-karya bacaan yang menitiberatkan nilai bahasa.

Bahasa digambarkan sebagai unsur seni yang bersifat intrinsik dan ekstrinsik kepada para pembaca. Menurut Erlina (2017) unsur instrinsik digambarkan sebagai pemahaman dalam sesebuah buku yang menggunakan karya sastera sebagai teks. Oleh itu, sesebuah karya sastera yang dihasilkan menggunakan penulisan dijadikan sebagai kajian yang meliputi proses-proses sosial yang sering berlaku dalam kalangan masyarakat zaman sekarang.

Oleh itu, sesebuah karya novel yang dikaji juga sering dikaitkan dengan pelbagai isu semasa yang sering terjadi dalam kalangan masyarakat zaman sekarang. Perkara ini akan menyebabkan berlakunya tekanan perasaan dan mengganggu emosi seseorang. Menurut Morstt & Furst (1979) menyatakan definisi tentang tekanan bahawa tekanan adalah suatu keadaan yang dipengaruhi oleh gangguan mental dan emosional yang boleh mewujudkan keadaan yang kurang selesa dan tegang tanpa dapat dikawal. Menurut Ma'rof Redzuan & Haslinda Abdullah (2002) emosi didefinisikan sebagai satu tidakbalas subjektif (perasaan) yang menyebabkan perubahan kepada fisiologi. Oleh itu, pengaruh emosi sering dikaitkan dengan kegiatan yang boleh merosakkan pemikiran dan masa hadapan seseorang. Pengalaman yang dialami akan memberi kesan, terutama terhadap diri seseorang. Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan seseorang mengalami tekanan. Menurut Adnan Al-Sharif (1987:86) menyatakan tekanan bukan saja wujud disebabkan pengaruh gangguan mental dan emosi tetapi wujud apabila manusia merasa tidak selesa dan tenang jiwa dan menyebabkan dirinya berasa gelisah, takut, marah dan cemas.

Dalam kehidupan masyarakat zaman sekarang sering berpandangan bahawa golongan wanita merupakan golongan yang sangat mementingkan martabat dan maruah keluarga. Hal ini dibuktikan melalui kajian dari Ummah et. al. (2022) yang menyatakan bahawa golongan wanita bukan sahaja dipandang mulia disisi agama tetapi menjadi contoh teladan kepada masyarakat yang lain kerana menganggap golongan wanita memiliki kedudukan yang tinggi disisi agama islam. Namun begitu, terdapat sesetengah golongan masyarakat tidak mementingkan hak wanita dalam menentukan masa hadapan dan menyebabkan golongan wanita tidak dapat memiliki kehidupan yang bebas. Hal ini akan menyebabkan perasaan dan emosi wanita menjadi tertekan dan mudah melakukan perkara-perkara yang boleh membahayakan diri sendiri. Menurut Abdul Malek Rahman (2009) pemaparan terhadap sesuatu emosi yang ditukar akan menyebabkan berlakunya pembentukan personaliti seseorang yang boleh mendatangkan tekanan. Oleh itu, melalui novel *Olumnis* karya Dayang Nazirah Tahir jelaslah menunjukkan isu yang berkaitan dengan emosi yang telah memainkan peranan yang tersendiri melalui watak wanita.

Dalam menghadapi arus moden yang semakin meningkat pelbagai isu sering terjadi dalam kalangan masyarakat sama ada golongan lelaki atau golongan wanita. Oleh itu, dalam usaha mencapai kejayaan pihak kerajaan harus membendung isu-isu seperti masalah sosial, jenayah dan keruntuhan akhlak. Perkara ini disokong oleh Rohayati Derani (2004) yang menyatakan arus pembangunan dan berkembangnya yang semakin pesat dalam sesebuah

negara menyebabkan berlakunya keruntuhan akhlak, gejala sosial, jenayah dan sebagainya. Perkara ini berlaku berpunca daripada pengawalan emosi dalam diri seseorang namun masyarakat pada masa kini menganggap isu ini hanya sebagai masalah yang ringan. Hal ini telah menyebabkan kajian ini dilakukan berdasarkan bahan bacaan dari novel yang bertajuk *Olumnis* karya Dayang Nazirah Tahir.

Perkara-perkara yang tidak sihat ini akan menyebabkan berlakunya gangguan emosi malahan akan merosakkan kecerdasan emosi seseorang sehingga akan menyebabkan berlakunya gejala-gejala yang tidak bermoral. Goleman (1995) menyatakan bahawa seseorang yang bertindak di luar kawalan terjadi disebabkan mengalami tekanan yang kuat dalam kehidupannya. Hal ini berlaku disebabkan tekanan perasaan yang tinggi dalam mengawal emosi dan boleh merosakkan pemikiran seseorang. Melalui kajian dari Goleman pada tahun (1995) yang berkaitan dengan kecerdasan emosi yang bertajuk *Emotional Intelligence : Why It Can Matter More Than IQ* . Buku ini ditulis untuk memberitahu tentang hal yang berkaitan dengan kecerdasan emosi dan cara emosi dikawal bagi perkembangan akhlak manusia.

Di dalam novel *Olumnis* karya Dayang Nazirah Tahir, watak wanita dilihat mempunyai fungsi dalam penceritaan novel ini bagi mengharyati jalan cerita yang disampaikan terutamanya dalam watak wanita. Oleh itu, dengan adanya pelbagai emosi wanita yang ditonjolkan oleh penulis telah menyebabkan para pembaca dapat memahami emosi yang dibawa. Kajian ini

dihasilkan bertujuan untuk mengkaji bentuk-bentuk emosi watak wanita yang terdapat dalam teks novel *Olumnis* karya Dayang Nazirah Tahir. Novel ini dipilih kerana dilihat memiliki nilai yang menarik dan memiliki latar masyarakat yang mempunyai nilai kesantunan bahasa serta nilai hormat-menghormati terhadap keluarga dan masyarakat sekitar. Kajian ini menggunakan Teori Kecerdasan Emosi. Menurut Daniel Goleman (1995) kecerdasan emosi merupakan kemampuan seseorang individu dalam mengatur perasaan emosinya. Hal ini telah dibuktikan melalui penghasilan karya beliau yang bertajuk “*Emotional Intelligence*” yang berkaitan dengan kecerdasan kognitif dan *Emotional Intelligence: Why It can Matter More Than IQ* berdasarkan perkembangan akhlak seseorang. Kecerdasan emosi seseorang juga akan mempengaruhi perubahan jiwa seseorang dalam membuat sesuatu keputusan.

1.2 Permasalahan Kajian

Kajian ini dibuat berhipotesis untuk mempelbanyakkan lagi kajian berdasarkan watak wanita dalam aspek kecerdasan emosi agar dapat mempelbanyakkan lagi kajian menerusi aspek ini agar para pengkaji lain memperolehi sumber maklumat dengan lebih mendalam. Permasalahan yang dapat dilihat dalam kajian ini ialah emosi yang terdapat dalam diri seseorang menerusi watak wanita. Sebagai seorang wanita, hak dalam menentukan kehidupan adalah merupakan hak mereka sendiri tanpa perlu bergantung dengan sesiapa. Namun rasa hormat dalam diri menyebabkan mereka terpaksa mengikut setiap keinginan keluarga dalam menentukan masa hadapan mereka. Wanita bukan saja terhalang menerusi hak dalam menentukan kehidupan namun mereka juga tidak digalakkan dalam sektor perkerjaan seperti hak untuk berkerja dalam bidang politik, pendidikan dan sebagainya. Perkara ini dapat dibuktikan menerusi kenyataan dari Hanafi et. al. (2016) yang menyatakan hak wanita untuk terlihat dalam bidang politik adalah terhad berbanding golongan lelaki. Hal ini menyebabkan golongan wanita hilang pertimbangan sehingga menjejaskan emosi dan menyebabkan mereka tidak dapat mengawal emosi dengan baik kerana tidak mempunyai hak untuk bersuara. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk meneliti kecerdasan emosi yang dipaparkan dalam novel yang dikaji dan didasari dengan kematangan yang menyebabkan watak wanita menunjukkan bentuk-bentuk emosi.

Wanita pada masa kini lebih tercondong mengalami masalah emosi akibat daripada tekanan sama tekan ditempat kerja mahupun di rumah akibat daripada pengaruh sekeliling. Perkara ini secara tidak langsung akan menyebabkan golongan wanita tidak dapat mengenal emosi diri mereka. Menurut Chaplin (1985) emosi adalah satu keadaan yang terjadi dalam diri seseorang yang mengakibatkan dirinya terangsang terhadap sesuatu perkara sama ada sedar atau tidak. Perkara ini berlaku disebabkan dunia pada masa kini penuh dengan cabaran dan halangan sehingga menyebabkan peranan wanita dalam intitusi kekeluarga menghadapi masalah serta mengakibatkan kesihatan mereka sendiri juga terjejas. Perkara ini menjadi semakin membimbangkan apabila mereka tidak lagi dapat mengenal dan memahami emosi mereka terhadap kecedasan emosi diri. Justeru itu, kajian yang berpaksikan kepada kecerdasan emosi merupakan satu kajian yang penting untuk membantu masyarakat memahami konsep kecerdasan emosi dalam diri setiap individu sama ada golongan lelaki atau golongan wanita.

1.3 Persoalan Kajian

Dalam kajian ini, beberapa persoalan telah dikeluarkan oleh pengkaji bagi melakukan kajian dengan lebih teliti, antaranya:

1. Apakah bentuk-bentuk kecerdasan emosi Goleman berdasarkan watak wanita dalam novel *Olumnis* karya Dayang Nazirah Tahir?
2. Apakah kecerdasan emosi yang terdapat pada watak wanita berdasarkan Model Kecerdasan Emosi (MKE) dalam novel *Olumnis* karya Dayang Nazirah Tahir?

1.4 Objektif Kajian

Secara umumnya, tujuan pengkajia melakukan kajian ini adalah untuk memenuhi objektif kajian seperti berikut:

1. Mengenal pasti bentuk-bentuk kecerdasan emosi Goleman berdasarkan watak wanita dalam novel *Olumnis* karya Dayang Nazirah Tahir.
2. Menganalisis kecerdasan emosi yang terdapat pada watak wanita berdasarkan Model Kecerdasan Emosi (MKE) dalam novel *Olumnis* karya Dayang Nazirah Tahir.

1.5 Batasan Kajian

Bagi melengkapkan lagi hasil kajian yang dijalankan, maka kajian ini telah dibataskan berdasarkan kepada novel *Olumnis* karya Dayang Nazirah Tahir menggunakan Teori Kecerdasan Emosi. Hal ini demikian kerana di dalam novel ini memiliki nilai penyampaian yang tersendiri yang belum di kupas oleh pengkaji lain berbanding novel-novel yang popular lain. Analisis yang dilakukan dalam karya novel Dayang Nazirah Tahir ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti kecerdasan emosi watak wanita yang terdapat dalam novel *Olumnis*. Oleh itu, pengkaji menggunakan Teori Kecerdasan Emosi Danial Goleman untuk diaplikasikan dalam kajian ini. Hal ini untuk membuktikan bahawakecerdasan emosi watak mempengaruhi tingkah laku seseorang dalam melakukan sesuatu perkara.

Selain itu, pemilihan novel *Olumnis* karya Dayang Nazirah Tahir dibuat kerana mempunyai kaitan dengan aspek kajian pada masa kini terutamanya terhadap jalan penceritaan yang melibatkan suasana kekeluargaan, kejiranan dan kemasyarakatan. Gambaran yang telah dihasilkan oleh pengkarya dapat disimpulkan bahawa kajian ini memberi gambaran yang baru dan jelas tentang suasana kehidupan masyarakat terhadap golongan pembaca. Pemaparan watak wanita yang kuat dan sabar dalam menempuhi cabaran hidup sebagai seorang anak yang taat dengan perintah ibu bapanya telah menimbulkan kesedaran dalam diri seorang wanita untuk sentiasa taat dan mendengar kata tanpa melukakan hati ibubapa. Walaupun begitu, pengkaji telah meletakkan batasan kajian dengan mengenal pasti bentuk-

bentuk emosi terutamanya dalam kajian yang didasari oleh novel *Olumnis*. Melalui kajian ini, telah menunjukkan satu langkah baru kepada pengkaji untuk memahami secara lebih mendalam. Oleh itu, kajian ini akan memfokuskan dengan lebih mendalam terhadap kecerdasan emosi yang akan memberi kepentingan terhadap kajian ini.

Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah kualitatif iaitu analisis deskriptif yang melibatkan data yang diperolehi dari kaedah analisis teks, kaedah kepustakaan, kaedah laman sesawang serta penggunaan Teori Kecerdasan Emosi yang diasaskan oleh Daniel Goleman (1995). Kaedah ini digunakan bagi membantu pengkaji mengumpul maklumat dan menganalisis data yang diperolehi terutamanya berkaitan dengan kecerdasan emosi. Menurut Crawford & Irving (2009) kajian yang bersifat penerokaan amat sesuai digunakan dalam kajian. Oleh itu, beberapa perkara yang akan dilihat bagi membantu pelajar memperolehi manfaat ilmu yang disampaikan.

Dalam novel ini juga penulis menjadikan watak wanita yang mempunyai pemikiran yang matang untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi. Novel ini digarap oleh penulis dengan berhati-hati bagi memudahkan penyampaian gaya bahasa yang baik walaupun menggunakan bahasa baku Sabah. Namun begitu, kajian ini hanya akan memfokuskan skop kajian terhadap menganalisis watak wanita dalam teks novel tersebut. Hal ini kerana kajian ini hanya menumpukan kepada kecedasan emosi yang terdapat dalam novel terhadap Model Kecerdasan Emosi (MKE) dalam novel *Olumnis* karya Dayang Nazirah Tahir dalam watak wanita.

1.6 Kepentingan Kajian

Secara amnya, kajian ini dapat membantu masyarakat tentang kepentingan kecerdasan emosi dalam diri seseorang dan memberi sumbangan kepada para pengkaji lain berkaitan dengan karya sastera. Selain itu, kajian ini juga akan memberi sumbangan terhadap mutu bidang penyelidikan karya sastera bagi mengkritik sesebuah karya sastera yang dihasilkan. Dalam aspek ini dapat dilihat sebagai kelebihan kepada pengkaji untuk membuat kajian yang memiliki nilai kelainan dalam bentuk Kesusasteraan Melayu Moden. Dengan kelainan yang dibuat akan memberikan kelebihan dalam kajian ini sebagai sebuah kajian yang mempunyai nilai keistimewaan dalam bidang Kesusasteraan kepada pengkaji dan juga para pembaca. Selain itu, dengan membuat penelitian dalam kajian yang melibatkan emosi maka iaitu dapat memperkayakan lagi pemahaman yang berkaitan dengan nilai emosi serta dapat mempertajamkan lagi pandangan terhadap emosi seseorang yang akan terbentuk.

Berdasarkan kepentingan terhadap pendidikan dapat menunjukkan bahawa pentingnya kajian ini dengan emosi sama ada lahir dari emosi yang baik atau sebaliknya. Dengan adanya gambaran bentuk emosi maka satu kajian dapat dijalankan yang berkonsepkan terhadap bentuk emosi iaitu dalam konteks Teori Kecerdasan Emosi yang dipelopori oleh Daniel Goleman pada tahun (1995). Berdasarkan teori ini, pengkaji dapat mengaplikasikan teori ini dengan lebih mendalam dalam mengetahui tentang bentuk-bentuk emosi dalam diri seseorang berdasarkan teks dalam kajian. Dengan penghasilan

Model Kecerdasan Emosi (MKE), komponen-komponen kecerdasan emosi dapat diaplikasi dalam kajian yang dijalankan dengan lebih mendalam. Oleh itu, dengan pengaplikasian terhadap Teori Kecerdasan Emosi ini dapat membuka mata dan minda masyarakat tentang penting nilai emosi dalam jiwa manusia.

Selain itu, melalui kajian ini juga dapat memberikan nilai pendidikan dan pengajaran serta teladan yang baik dalam melakukan perkara yang tidak baik terutamanya dapat meningkatkan pengetahuan tentang kecerdasan emosi yang boleh dipraktikkan kepada para pembaca dalam membentuk jati diri dan akhlak yang baik. Melalui kajian ini juga diharapkan dapat menjadi panduan bagi seseorang dalam mengawal emosi dan mencontohi kecerdasan emosi yang baik di dalam novel yang ditonjolkan melalui watak-watak.

Kepentingan kajian ini terhadap masyarakat ialah dapat memberi maklumat tentang sikap masyarakat sekarang yang kurang peka terhadap masalah yang melibatkan golongan wanita yang melibatkan aktiviti harian dan pekerjaan sehingga mengganggu emosi mereka. Dengan adanya penceritaan dan nilai emosi dalam novel yang dihasilkan tersebut dapat mengubah mentaliti masyarakat yang berfikiran negatif dan tertutup mindanya tentang kehidupan seharian. Oleh itu, dengan adanya penyampaian nilai emosi dan nasihat dalam novel dapat memberi gambaran yang baik tentang golongan remaja pada zaman sekarang yang mudah terjebak dengan aktiviti yang tidak baik. Melalui aspek ini juga kita dapat melihat keupayaan watak-watak dalam mengenal emosi-emosi sama ada emosi diri sendiri atau emosi orang lain agar

dapat membentuk sahsiah diri berdasarkan novel tersebut.

Kepentingan kajian ini terhadap masyarakat ialah dapat memberi maklumat tentang sikap masyarakat sekarang yang kurang peka terhadap masalah yang melibatkan golongan wanita yang melibatkan aktiviti harian dan pekerjaan sehingga mengganggu emosi mereka. Dengan adanya penceritaan dan nilai emosi dalam novel yang dihasilkan tersebut dapat mengubah mentaliti masyarakat yang berfikiran negatif dan tertutup mindanya tentang kehidupan seharian. Oleh itu, dengan adanya penyampaian nilai emosidan nasihat dalam novel dapat memberi gambaran yang baik tentang golongan remaja pada zaman sekarang yang mudah terjebak dengan aktiviti yang tidak baik. Melalui aspekini juga kita dapat melihat keupayaan watak-watak dalam mengenal emosi-emosi sama ada emosi diri sendiri atau emosi orang lain agar dapat membentuk sahsiah diri berdasarkan novel tersebut.

Disamping itu, diharapkan kajian ini dapat membantu seseorang untuk menilai perbuatan yang baik dan buruk tentang sesuatu tindakan yang ingin dilakukan sebelum terjadinya suatu perkara yang tidak di ingini terjadi. Diharapkan kajian ini juga akan dijadikan sebagai sumber rujukan kepada pengarang novel bagi menghasilkan novel-novel yang bermutu tinggi dan menghasilkan karya yang dapat meningkatkan kecerdasan emosi pembaca berdasarkan penelitian yang lebih luas dan mendalam.

Oleh itu, berdasarkan kepada kepentingan kajian ini dapat disimpulkan bahawa kajian ini menjadi satu titik tolak dalam memberi kesan kepada pengkaji dan para pembaca untuk menilai dan memahami dengan lebih mendalam tentang emosi. Dengan emosi yang ditunjukkan dengan menggunakan Teori Kecerdasan Emosi ianya dapat membuka minda tentang kedudukan watak dalam novel tersebut berdasarkan bidang Kesusasteraan.



1.7 Metodologi Kajian

Metodologi kajian merupakan satu kaedah yang sistematik dan mengabungkan penyesuaian dengan pendekatan kajian analisis data melalui langkah yang tersendiri agar kajian yang dilakukan dapat mencapai objektif kajian.

1.7.1 Kaedah Kajian

Kajian ini menfokuskan kepada kajian teks novel dengan menggunakan kaedah kualitatif bagi menghuraikan bentuk-bentuk emosi yang melibatkan data berbentuk deskriptif. Kajian ini juga akan menganalisis teks bagi melengkapkan objektif kajian yang telah ditetapkan. Analisis kajian ini akan diperkukuhkan dengan menggunakan pendekatan teori. Oleh itu, kaedah kepustakaan, rujukan teks, rujukan laman sesawang berkaitan artikel akademik dipilih sebagai sumber rujukan kajian.

1.7.2 Kaedah Kepustakaan

Kaedah kepustakaan merupakan kajian yang digunakan untuk mendapatkan maklumat tambahan berkaitan dengan kajian yang dilakukan.

Pengkaji telah memperolehi banyak maklumat dari sumber kepustakaan.

Bahan-bahan yang diperolehi dapat membantu pengkaji untuk menyiapkan kajian ini.

1.7.3 Analisis Teksual

Analisis teksual digunakan bagi memahami dan menghayati isi kandungan


novel dengan lebih mendalam. Teks kajian ini dipilih berdasarkan kepada jalan ceritanya yang dilihat mempunyai persamaan dengan objektif kajian yang dibuat.

1.7.3 Laman Sesawang

Laman sesawang digunakan untuk mencari maklumat mengenai sumber kajian novel dan teori yang telah dikaji oleh pengkaji lepas. Selain itu, sumber laman sesawang juga digunakan sebagai medium tambahan untuk mencari maklumat mengenai kajian kecerdasan emosi yang pernah dilakukan secara menyeluruh tanpa mengambil kira jenis novel yang dikaji.

1.7.4 Kerangka Teori

Teori Kecerdasan Emosi Oleh Danial Goleman



Rajah 1 : Kerangka Teori Danial Goleman

1.8 Organisasi Kajian

Kajian ini telah membahagikan kepada beberapa bahagian bagi menghasilkan proses penyelidikan dengan lancar dan sistematik. Bab satu ini merangkumi pendahuluan serta memberikan penerangan tentang tajuk kajian yang akan dirungkai secara mendalam. Pada bahagian pendahuluan akan meliputi pengenalan, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, skop kajian kepentingan kajian, metodologi kajian, organisasi kajian dan kesimpulan.

Bab dua merangkumi hasil daripada penelitian terhadap sorotan kajian lepas melalui pelbagai sumber yang diperolehi hasil maklumat tambahan serta rujukan terhadap tajuk kajian pengkaji. Antaranya kajian berkaitan dengan watak, kajian berkaitan teks terpilih dan kajian berkaitan dengan penggunaan Teori Kecerdasan Emosi Danial Goleman (1995).

Pada bab tiga pula iaitu metodologi kajian, pengkaji memfokuskan kepada kaedah kajian yang digunakan bagi memperolehi data-data yang penting. Selain itu, pada bab ini juga pengkaji akan memberi pendedahan berkenaan dengan reka bentuk kajian, proses pengumpulan data, kaedah kajian analisis data serta merumuskan tentang metodologi kajian.

Pada bab 4 pula, pengkaji akan memberikan penekanan terhadap perbincangan kajian bagi menjawab persoalan kajian. Antaranya pengkaji akan merungkaikan setiap bentuk emosi positif dan negatif yang terdapat dalam watak wanita bagi memenuhi objektif kajian pertama. Kemudian, pengkaji akan menganalisis kecerdasan emosi yang terdapat pada watak

wanita berdasarkan Model Kecerdasan Emosi (MKE) dalam novel bagi menjawab objektif kedua kajian ini.

Pada bab lima pula pengkaji akan merumuskan hasil perbincangan yang telah dijalankan pada bab empat. Pengkaji juga akan memberikan cadangan berkenaan dengan isu yang diketengahkan dalam kajian ini. Hasil daripada kajian ini akan disimpulkan oleh pengkaji bagi membuat kesimpulan yang merangkumi semua hasil penyelidikan yang telah dijalankan.

1.9 Kesimpulan

Kesimpulannya, dalam bab ini memberi pendedahan awal tentang emosi wanita yang dilihat dapat mempengaruhi kecerdasan emosi berdasarkan kepada tajuk kajian. Dalam bab ini pengakaji telah membincangkan tentang pengenalan, latar belakang, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, batasan kajian, kepentingan kajian dan lain-lain. Oleh itu, melalui kajian ini dapat dirumuskan secara keseluruhannya adalah bertujuan untuk memahami dan mengetahui bentuk-bentuk kecerdasan emosi yang diterapkan dalam watak wanita dalam Novel *Olumnis* tersebut. Selain itu, kajian ini juga dapat melihat Model Kecerdasan Emosi (MKE) berdasarkan watak wanita dalam novel *Olumnis* karya Dayang Nazirah Tahir. Oleh itu, diharapkan melalui kajian ini juga dapat membentuk jati diri seseorang dalam mengawal emosi dengan betul dan tidak terburu-buru. Hal ini kerana sikap terburu-buru akan membuat seseorang melakukan sesuatu perkara dengan menggunakan emosi. Oleh itu, kajian ini merupakan salah satu kajian yang memiliki nilai perkembangan sastera moden yang sangat menekankan pembentukan sahsiah diri seseorang dan emosi melalui karya sastera.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN LEPAS

2.0 Pengenalan

Melalui bab dua ini, Kajian ini melihat kepada kajian-kajian lepas. Oleh itu, dengan melihat kajian-kajian lepas maka dapat membantu pengkaji memperolehi maklumat tentang serba sedikit kaedah yang digunakan dan secara tidak langsung memberi peluang dan ruang serta kelompongan terhadap kajian yang menggunakan Teori Kecerdasan Emosi ini.

2.1 Sorotan Kajian Lepas

2.1.1 Kajian-Kajian Lepas Berkaitan Dengan Watak.

Berdasarkan kajian dari Nurma et.al (2020) yang bertajuk “ *Konflik dan Watak Tokoh dalam Novel Kembara Rindu Karya Habiburrahman El Shirazy* : Kajian Psikologi Sastra dari Universiti PGRI Palembang, Indonesia. Dalam kajian ini penelitian dilakukan untuk menganalisis konflik dan watak tokoh dalam novel Kembara Rindu Karya Habiburrahman El Shirazy. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah deskriptif kualitatif. Dalam kajian ini memberi pendedahan tentang sesuatu perkara yang berlaku, situasi dan peristiwa yang memberi kesan kepada watak di dalam novel tersebut.

Konflik yang terdapat dalam novel *Kembara Rindu* ialah konflik internal dan konflik eksternal. Konflik internal melibatkan perasaan cemas, sedih dan takut. Manakala penyebab konflik dalam faktor eksternal melibatkan harapan, sokongan dan rasa tanggungjawab dalam diri seseorang. Hasil daripada kajian ini dapat dilihat sesuatu perkara yang dialami secara sengaja atau tidak akan menyebabkan seseorang mengalami perubahan emosi dan menyebabkan diri seseorang menjadi takut dan cemas.

Berdasarkan kajian yang dilakukan Edo et.al (2020) yang bertajuk "*Analisis Watak Tokoh Dalam Kumpulan Cerita Rakyat Kabupaten Kepulauan Anambas*". Kajian ini membincangkan tentang nilai teladan dalam watak tokoh cerita rakyat berdasarkan kumpulan cerita rakyat Kabupaten Kepulauan Anambas. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif deskriptif bagi memudahkan pengkaji untuk mendeskripsikan watak tokoh dalam kumpulan cerita rakyat ini. Hasil daripada penelitian ini memfokuskan kepada watak tokoh yang terdapat dalam cerita rakyat Kabupaten Anambas. Setiap watak akan dibahagikan kepada dua watak iaitu watak baik dan watak jahat bagi meneliti nilai teladan yang dapat diperolehi didalam cerita rakyat tersebut.

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Mohd Helmi Yusoh et.al (2018) dari Universiti Kebangsaan Malaysia yang menjalankan kajian yang bertajuk "*Pemeriksaan Watak Wanita dalam Filem Berunsurkan Islam: Kajian kes "Ketika Cinta Bertasbih"*". Tajuk kajian ini dipilih disebabkan kajian ini memberikan fokus kepada isu representasi wanita dalam filem berunsurkan Islam menerusi watak wanita yang melibatkan ideologi patriarki

dalam filem. Oleh itu, data diperolehi berdasarkan filem dari Indonesia arahan Hanung Bramantyo iaitu "*Ketika Cinta Bertasbih*". Dalam kajian ini juga ingin membuktikan bahawa terdapat watak-watak wanita yang dilihat mengalami penindasan dan pemerksaan yang berkonsepkan Islam serta proses pemerksaan feminisme. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan menggunakan kaedah analisis kandungan bagi melihat nilai-nilai yang mempunyai sifat subjektif. Hasil daripada kajian ini dapat menunjukkan bahawa peranan seseorang dalam melakukan sesuatu perkara dapat memberi impak dalam sesebuah filem.

Selain itu, melalui kajian lepas daripada Sigit Munanto et.al (2020) yang bertajuk "*Watak Tokoh Protagonis dalam Novel Perang Karya I Gusti Ngurah Putu Wijaya*" dari Universiti Batanghari, Jambi, Indonesia. Dalam Kajian ini penelitiana di buat adalah bertujuan untuk mengenal pasti watak protagonis yang terdapat di dalam novel tersebut. Novel tersebut dipilih adalah kerana memiliki unsur nilai intrinsik dan ekstrinsik yang jelas di dalamnya. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan data dari teks novel Perang Karaya I Gusti Ngurah Putu Wijaya. Berdasarkan analisis data yang diperolehi akan dikumpul untuk melihat petikan yang mempunyai aspek yang bersesuaian dengan watak protagonis. Watak Protagonis merupakan watak utama yang dipegang dan mempunyai peranan yang khas dalam sesebuah karya yang dihasilkan. Antara aspek dikenal pasti ialah sifat pemurah, seorang yang jujur, seorang yang merendah diri dan lain-lain lagi telah dikenal pasti. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa watak

merupakan aspek yang penting dalam sesebuah karya yang dihasil untuk memudahkan para pembaca memahami jalan cerita dan perasan yang dibawa oleh watak protagonis.

Seterusnya, kajian lepas dari S.Vinesh Raj et.al (2019) bertajuk “*Kedudukan Watak-Watak dalam Kumpulan Cerpen “Ammavuku” Menerusi Kajian Subaltern*” dari Universiti Pendidikan Sultan Idris. Kajian ini memfokuskan tentang kedudukan watak wanita dalam patriarki seperti yang digambarkan dalam cerpen “Ammavuku”. Dalam kajian ini akan merungkaikan tentang hak wanita dari segi kedudukan wanita sebagai ibu, isteri dan anak. Dalam kajian ini pengkaji akan menghuraikan secara terperinci tentang kedudukan watak-watak wanita dalam intitusi kekeluargaan. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah kualitatif dan dihuraikan secara deskriptif. Kaedah kajian kepustakaan dibuat untuk mengumpul maklumat dan data yang berkaitan dengan kajian ini. Hasil daripada kajian ini telah memberikan maklumat yang sangat berguna kepada masyarakat luar terutamanya golongan wanita tentang kedudukan hak wanita dalam intitusi kekeluarga agar tidak dipandang rendah.

Menerusi kajian dari Mawarni Nazrin et.al (2021) bertajuk “*Gambaran Perwatakan Watak Wanita dalam Siri Animasi Bergenre Aksi*” dari Universiti Utara Malaysia. Dalam kajian ini meneliti tentang perwatakan watak wanita yang terdapat dalam siri animasi bergenre aksi iaitu animasi *Ejen Ali: Musim 1*. Dalam kajian ini akan memperincikan jumlah watak wanita yang terdapat dalam animasi ini berbanding watak lelaki. Dalam kajiani ini akan

memfokuskan watak yang dibawa oleh watak wanita. Kajian ini bukan sahaja menilai tentang watak malahan memperlihatkan peranan watak seperti aktif, bijak, mempunyai sifat pemimpin, berkerjaya dan lain-lain lagi. Kajian ini mendapatkan maklumat berdasarkan maklumat dari bahan bacaan dan kaedah kepustakaan. Hasil daripada penelitian ini akan dapat menyimpulkan tentang perwatakan watak wanita menerusi animasi bergenre aksi yang mempunyai pelbagai nilai perwatakan.

Berdasarkan kajian dari Misno et.al (2022) yang bertajuk “*Perwatakan dan Nilai Moral Tokoh Utama Novel Laskar Pelangi Dan Novel Mimpi Anak Pulau: Kajian Sastra Bandingan*”. Kajian ini bertujuan untuk melihat perwatakan dan nilai moral yang terkandung dalam novel *Laskar Pelangi* dan *Mimpi Anak Pulau* karya Abidah El Khalieqy. Antara sifat perwatakan yang terdapat dalam novel ialah sifat peduli, baik hati, pintar, jujur, penyabar dan lain-lain lagi. Manakala nilai moral yang diperolehi ialah disiplin, otonomi dan lain-lain lagi berdasarkan teori Emili Durkheim. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif deskriptif komparatif berdasarkan perwatakan dan nilai moral yang diperolehi dalam watak utama. Data diperolehi dengan membaca novel *Laskar Pelangi* dan novel *Mimpi Anak Pulau* yang berupa kutipan kata-kata yang memiliki kaitan dengan perwatakan dan nilai moral pada tokoh utama. Hal kajian ini dapat memberi perbandingan tentang perwatakan dan nilai moral yang terdapat dalam kedua-dua novel berdasarkan watak utama.

Menerusi kajian dari Reva Deviana (2021) bertajuk “*Perwatakan Tokoh Dalam Novel Putri Kamodo karya Michael Yudha Winarno*”. Kajian ini menggunakan kaedah penelitian kualitatif deskriptif dengan menggunakan teknik pengumpulan data iaitu hermeneutik. Dalam kajian ini membincangkan tentang perwatakan watak utama dan watak tambahan bagi menggambarkan perwatakan yang terdapat dalam Novel ini. Gambaran perwatakan digambarkan secara langsung dan tidak langsung di antara kesemua watak bagi. Setiap watak memainkan peranan yang sangat penting dalam menghidupkan suasana gambaran situasi yang berlaku. Hasil daripada penelitian ini dapat merungkaikan bentuk-bentuk perwatakan watak tokoh yang terdapat dalam novel *Putri Kamado*.

2.1.2 Kajian-Kajian Lepas Berkaitan Dengan Teks Terpilih

Menerusi kajian dari Wan Norlidza (2015) yang bertajuk “*Kecerdasan Emosi Dalam Novel Remaja*” dari Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Dalam kajian ini memfokuskan tentang komponen-komponen kecerdasan emosi dalam novel Remaja dan pengaruh terhadap pembentukan sahsiah dalam kalangan remaja. Kecerdasan emosi yang digunakan dalam kajian ini adalah hasil daripada pemaparan kejadian yang dialami oleh watak dalam novel Remaja. Kajian ini dilakukan menggunakan kaedah deskriptif iaitu menggunakan teknik menganalisis kandungan teks dalam novel *Remaja* bagi memperolehi maklumat dan kajian ini jga menggunakan kaedah

keperustakaan untuk mengumpul maklumat bagi memantapkan kajian ini. Oleh itu, hasil daripada kajian ini diharapkan memberi pengetahuan tentang teori kecerdasan emosi dengan lebih mendalam dalam kajian yang lain.

Berdasarkan kajian dari Maznida Mahadi dan Tengku Intan (2018) dari Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Kajian bertajuk "*Perbandingan Dominasi Bentuk Emosi Lelaki dalam Novel Peyeberang Sempadan dengan Kafka on The Shore*". Tajuk ini dipilih untuk melihat perbandingan bentuk watak yang terdapat diantara 2 buah novel tersebut. Novel *Penyeberang Sempadan* (2012) karya Anuar Ridhwan dan novel *Kafka On The Shore* (2005) karya Haruki Murakami merupakan teks kajian yang mengandungi unsur psikologi yang dapat menjawab hipotesis dan persoalan terhadap emosi lelaki secara bandingan. Kajian ini berlandaskan bentuk-bentuk emosi yang disenaraikan oleh Daniel Goleman dalam Teori Kecerdasan Emosi (1995). Bentuk-bentuk emosi dominan yang ditampilkan oleh watak lelaki protagonis dikesan melalui bait-bait ayat yang dikarang oleh pengarang. Hasil daripada kajian ini menunjukkan bentuk emosi yang dikesan mempunyai persamaan atau perbezaan bentuk emosi dominan yang sering dialami oleh watak.

Berdasarkan kajian lepas dari Muhammad Hasbullah Ridwan (2018) yang bertajuk "*Analisis Watak Tokoh dalam Novel Kitab Cinta Yusuf Zukaikha*". Dalam kajian ini penelitian dijalankan berdasarkan kepada watak-watak tokoh dalam novel tersebut serta berdasarkan kepada teks ucapan yang dilihat memiliki nilai watak yang positif dan negatif. Antara nilai yang positif dan negatif yang dikenal pasti seperti beragama, bijaksana, baik, sabar, tekun,

kesetiaan, pemaarah, suka memfitnah dan lain- lain lagi. Penelitian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif iaitu melalui teks novel yang dilihat memiliki nilai watak yang bersesuaian.

Menerusi kajian dari Nordiana Hamzah (2014) bertajuk “*Evolusi Emosi Novel Zaharah Nawawi*”. Dalam kajian ini memfokuskan tentang evolusi emosi dari sudut pendekatan Elektrik dengan mengabungkan Teori Fenomenologi yang diketuai oleh Sohaimi Abdul Aziz. Teori ini digabungkan untuk memudahkan emosi pengarang dapat dikenal pasti terutamanya didalam karya tersebut. Terdapat ketidak seimbang yang berlaku dalam dalam emosi dan menyebabkan berlakunya kesan buruk kepada diri. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu menganalisis data berdasarkan teks dari novel dan sumber-sumber dari bahan bacaan perpustakaan. Oleh itu, hasil dari kajian ini mendapati emosi yang dialami oleh seseorang akan memberi kesan yang buruk dalam diri dan kehidupan seharian dan diharapkan kajian ini dapat memberi pendedahan tentang jenis emosi yang boleh meroskan pemikiran.

Berdasarkan kajian dari Baitul Rohmah et.al (2022) yang bertajuk “*Kecerdasan Emosi Hanum dalam Novel ‘I am sarahza’*” karya Hanum S.R dan Rangga A. Dalam kajian ini mengangkat tokoh penulis untuk memberi pendedahan tentang penghasilan novelnya yang memberi kesan elemen kecedasan emosi dalam karya tersebut. Dalam kajian ini memfokuskan kepada kecedasan emosi yang dilihat mengalami konflik dalam kehidupan. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif iaitu analisis dilakukan berdasarkan teks dari novel dan pengumpulan data melalui

bahan bacaan dan jurnal-jurnal dari perpustakaan. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat membantu para pengkaji untuk memperolehi maklumat dan dijadikan bahan rujukan ilmiah .

Berdasarkan kajian Galuh Dilah Kurnia et.al (2021) yang bertajuk “*Kecerdasan Emosional Tokoh Perempuan Muslimah dalam novel Assalamualaikum Beijing karya Asma Nadia*”. Kajian ini dijalankan untuk merungkaikan tahap kecerdasan emosi wanita melalui 3 aspek iaitu kemampuan mengelola emosi, kemampuan memotivasikan diri dan kemampuan membina hubungan. Ketiga-tiga aspek ini amat penting kerana untuk menjamin pengawalan emosi sentiasa baik dan tenang dengan setiap masalah yang berlaku. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif dan menganalisis data yang diperolehi berdasarkan topik yang digunakan iaitu kecerdasan emosi. Diharapkan kajian ini dapat menjadi nilai tambah dan sumber rujukan kepada pengkaji lain .

Menerusi kajian dari Desi Lusiana (2022) yang bertajuk “*Kecerdasan Emosional Dalam Novel Si Putih Karya Tere Liye (Pendekatan Priskologi Sastera)*”. Kajian ini dijalankan untuk meneliti kecerdasan emosi yang terdapat dalam teks novel Si Putih terutamanya emosi diri dan emosi orang lain bagi membina hubungan dengan orang lain dalam novel Si Putih karya Tere Liye. Kajian ini menggunakan kaedah penelitian secara deskriptif iaitu secara kualitatif. Kajian ini tertumpu berdasarkan teks yang terdapat dalam novel Si Putih. Hasil daripada kajian ini mendapat menyimpulkan tentang nilai kecerdasan emosional yang telah dikenal pasti mengikut kategori

dari segi pengawalan emosi diri sendiri, mengenal emosi orang lain (empati) dan membina hubungan dengan orang lain.

Kajian dari Thesa Fuji Rahayu (2022) yang bertajuk “*Analisis Pola Asuh Orang Tua terhadap Kecerdasan Emosional dalam Novel “Si Anak Kuat” Karya Tere Liye*”. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan berdasarkan maklumat dari penelitian kajian pustaka dan data maklumat yang diperolehi akan dianalisis menggunakan teknik semiotik. Kecerdasan emosi yang amat penting dalam pembentukan karakter berdasarkan pola asuh orang tua yang tepat. Pola asuh adalah bentuk pembiasaan yang diterapkan oleh orang tua kepada anak-anak mereka dalam mendidik dan membimbing supaya menjadi anak yang berguna. Hasil penelitian dari analisis pola asuh orang tua terhadap kecerdasan emosi anak dalam novel Si Anak Kuat adalah terdapat tiga pola asuh yang diterapkan oleh orang tua iaitu pola asuh permisif, pola asuh otoriter dan pola asuh demokratis.

Berdasarkan Kajian yang dilakukan oleh Tutik Nur Arifah (2015) dari Universiti Negeri Yogyakarta, Indonesia telah melakukan kajian terhadap “*Kecerdasan Emosi Tokoh Utama Dalam Novel Kembang Kantil*” Karya Senggono. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif diskriptif. Melalui kajian ini, pengkajian menggunakan aspek kecerdasan emosi merangkumi emosi diri, memotivasikan diri, memahami emosi orang lain dan membina hubungan. Dalam kajian ini juga menggunakan teknik penyampaian emosi secara langsung dan tidak langsung. Dalam kajian ini memfokuskan kepada emosi tidak langsung berdasarkan novel Kembang Kantil. Hasil dari kajian ini

mendapati emosi secara tidak langsung telah menyebabkan emosi dilihat dari sudut yang tertentu dengan menggunakan komponen Kecerdasan Emosi.

Berdasarkan kajian oleh Mary Fatimah Subet (2017) dalam kajian bertajuk “*Emosi dan Ironi dalam Puisi Usman Awang: Tafsiran Pragmatik*”. Kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Pemilihan puisi Usman Awang yang bertajuk *Salji Hitam, Balada Terbunuhnya Beringin Tuan di Pinggir Sebuah Bandaraya, Pelampung Terapung dan Perempuan Malang di Kamar Seribu Tamu* oleh beliau terdapat unsur-unsur emosi yang telah membawa kerjayaan kepda Teori Releven. Oleh itu dalam kajian Mary Fatimah memfokuskan emosi, namun emosi lebih kepada perspektif linguistik dan bahasa. Dengan menggunakan teori tersebut, pengkaji dapat mengeluarkan emosi tersirat dalam puisi yang dihasilkan oleh Usman Awang. Hasil dari kajian ini menunjukkan teori Releven mempunyai makna sebenar yang ingin disampaikan kepada para pembaca dan dapat mengesan emosi tersirat dalam puisi Usman Awang.

2.1.3 Kajian-Kajian Lepas Menggunakan Teori Kecerdasan Emosi

Menerusi kajian dari Saparwadi et.al (2020) yang bertajuk *Mengenal Konsep Danial Goleman dan Pemikirannya dalam Kecerdasan Emosi*. Kajian ini membincangkan tentang permasalahan yang dialami oleh generasi sekarang dan generasi dahulu tentang kesulitan emosional yang sukar dikawal seperti kemurungan, perasaan gugup dan mudah cemas yang akan mempengaruhi kehidupan manusia dalam membuat keputusan. Penelitian ini

ingin menunjukkan dasar konsep kecerdasan emosi yang diperkenalkan oleh Daniel Goleman. Kajian ini menggunakan Teori Kecerdasan Emosi sebagai garis paduan dalam mengenal pasti kemampuan untuk mengenali perasaan diri sendiri atau orang lain, kemampuan untuk memotivasikan diri sendiri dan banyak lagi. Kaedah kajian yang digunakan adalah kualitatif, iaitu data diperolehi melalui kajian keperustakaan dan data dari teks-teks kajian yang lain. Hasil kajian yang diperolehi konsep Goleman memiliki nilai pemikiran yang baik dalam kehidupan diri seseorang, keluarga, kesihatan diri dan pendidikan seseorang sebagai panduan dalam kehidupan.

Menerusi kajian dari Tamera R. Schneider (2023) yang bertajuk “*Emotional Intelligence Predicts wise reasoning*”. Kajian ini membincangkan tentang kecerdasan emosi dan kebijaksanaan merupakan salah satu asas penting untuk berinteraksi secara sosial dan positif antara manusia. Kajian ini akan memfokuskan kepada kebijaksanaan akal fikiran dalam membuat keputusan yang bijak. Mitodologi kajian menggunakan kaedah kuantitatif itu menggunakan hasil dapatan dari temu bual secara atas talian dan secara peribadi untuk mendapatkan data. Hasil daripada kajian ini mendapati cabang pengurusan emosi saling berkaitan dengan kebijaksanaan kerana kecekapan dalam pengurusan emosi sangat penting dalam diri seseorang bagi mengawal perasaan.

Menerusi kajian yang dilakukan oleh Noorajaasha Nasrin et.al (2019) dari Falkulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS yang bertajuk “*Kecerdasan Emosi (EI) dan perbezaan Gender*

Dalam Perkerjaan”. Kajian ini memfokuskan tentang faktor Kecerdasan Emosi (EI) yang dikaitkan dengan gender di tempat kerja yang melibatkan stereotaip antara perempuan dan lelaki yang melibatkan emosi bagi melihat perbezaan secara signifikan dalam EI. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti sekiranya terdapat perbezaan yang signifikan dan pengaruh EI dalam gender. Dalam kajian ini menggunakan pendekatan Model Kecerdasan Emosi Goleman (2001) sebagai asas untuk memahami EI. Dapatan yang diperolehi akan dibincangkan secara deskriptif serta dihuraikan secara induktif. Hasil daripada kajian ini menunjukkan pengaruh gender tidak mempengaruhi perubahan emosi seseorang di tempat kerja.

Menerusi kajian dari Juliet Abeyi Otor et.al (2023) bertajuk *“Emotional Intelligence and Employee Performance: A Study of Teachers in Secondary Schools in Benue State, Nigeria”*. Dalam kajian ini dapat melihat kesan kecerdasan emosi yang dikemukakan oleh Danial Goleman pada tahun 2002. Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah deskriptif dan menggunakan sample daripada 160 guru sekolah menengah dan pentadbir dari 15 sekolah. Soal selidik digunakan untuk memudahkan data dikumpul. Hasil daripada kajian ini empat komponen kecerdasan emosi dapat di kumpul seperti kesedaran diri, pengurusan diri, kesedaran sosial dan pengurusan perhubungan dalam kalangan hubungan prestasi guru sekolah.

Menerusi kajian dari Peter J. O’Connor et.al. (2019) yang bertajuk *“The Measurement of Emotional Intelligence: A Critical Review of the Literature and Recommendations for Researchers and Practitioners”* yang

membincangkan tentang panduan kepada penyelidik dan pengamal yang ingin menggunakan Kecerdasan Emosi (EI) dalam kerja. Dalam artikel ini menyemak ukuran Kecerdasan Emosi (EI) yang utama dan membuat pengesyoran berkenaan penggunaan yang sesuai. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah kuantitatif iaitu berdasarkan pengumpulan data maklumat dari soal selidik dan temu bual. Selain itu, maklumat yang diperolehi juga berdasarkan kaedah keperpustakaan untuk mendapatkan maklumat. Hasil daripada kajian ini untuk membuktikan kecerdasan emosi seseorang mempengaruhi pencapaian sesuatu kerja.

Menerusi kajian dari Noor Afzaliza Nazira et.al (2022) bertajuk "*Kepentingan Kecerdasan Emosi : Suatu Pemerhatian Awal*". Dalam Kajian ini meneliti tentang emosi seseorang yang perlu diberi perhatian agar tidak berlaku perkara yang yang buruk. Kajian ini memberi fokus terdapat kecerdasan emosi pelajar dalam menghadapi perubahan waktu pandemik COVID-19 semasa belajar. Kajian ini membincangkan kecerdasan emosi dari sudut emosi pelajar kerana pelajar merupakan aset penting kepada negara dalam melahirkan modal insan berkemahiran tinggi dan berpengertahuan. Oleh itu, pelajar harus mempunyai kualiti dan mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi serta mampu menyelesaikan masalah. Kajian ini menggunakan data sekunder daripada pelbagai kajian lepas yang diperolehi dan maklumat dari kepustakaan. Hasil dari kajian ini diharapkan mampu memberi pendedahan tentang pentingnya kecerdasan emosi.

Berdasarkan kajian dari Yunita Furi Aristyasari et.al (2022) bertajuk "*Model Pendidikan Qur'ani Dalam Mengembangkan Kecerdasan Emosional*". Kajian ini mengfokuskan kepada pendidikan dari perspektif al Quran dan kesan terhadap pengembangan kecerdasan emosional. Kajian ini akan mengkaji tentang nilai untuk membentuk insan yang berguna berdasarkan model pendidikan melalui kerangka teori pembelajaran. Penelitian ini berlanjutan dengan menggali al-Quran secara normatif dan historis. Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah kualitatif iaitu berdasarkan teks dari al-Quran dan bahan rujukan dari perpustakaan. Hasil daripada kajian ini dapat meneliti nilai insan yang memiliki kecerdasan emosi berpandukan teks dari al-Quran dan Tafsir Kementerian Agama.

2.0 Kesimpulan

Kesimpulannya, Dalam bab ini telah memperlihatkan tentang kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji yang sebelum ini. Dengan melihat kajian lepas, ianya telah memberi pelbagai kelebihan kepada pengkaji untuk meneliti dengan lebih mendalam dan meninjau dengan lebih meluas terhadap kajian yang telah dijalankan. Hasil daripada kajian lepas yang ditinjau jelas menunjukkan bahawa kajian terhadap kecerdasan emosi dalam bidang Kesusasteraan. Namun kajian yang menyentuh tentang kecerdasan emosi di luar bahagian Kesusasteraan sudah banyak dilakukan terutamanya yang menyentuh tentang pendidikan dan guru-guru sekolah. Bab ini juga akan menyentuh terhadap pembentukan hipotesis yang akan dikaji.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan

Ahmad Sunawari Long (2008) menyatakan bahawa metodologi kajian ialah kaedah yang digunakan dalam pengumpul atau menganalisis data. Pengkaji menggunakan kaedah yang sesuai dengan kajian yang dilakukan dan menentukan cara yang berkesan bagi menjawab permasalahan kajian bagi mencapai objektif kajian yang dikemukakan. Sehubungan dengan itu, Bab ini melibatkan bacaan (*memoing*), penerangan data, analisis data serta carta alir metodologi kajian yang dibuat secara kualitatif dan penggunaan teori serta kerangka koseptual.

3.1 Reka Bentuk Kajian

Menurut Bryman (2008) reka bentuk kajian ialah kerangka yang digunakan untuk kajian bagi menganalisis dan mengumpulan data kajian. Oleh itu, pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif dalam kajian ini yang meliputi kaedah kepustakaan, analisis dokumentasi dan rujukan laman sesawang berkaitan artikel akademik.

3.2 Kaedah Kajian

Dalam kajian ini, kaedah kualitatif digunakan untuk menghuraikan bentuk-bentuk kecerdasan emosi dengan menggunakan data berbentuk deskriptif. Dengan menggunakan kaedah kualitatif ini maklumat-maklumat yang

diperolehi dapat digunakan pakai sebagai sumber maklumat tambahan. Oleh itu, kaedah kepustakaan, rujukan teks, rujukan laman sesawang berkaitan artikel akademik dipilih sebagai sumber rujukan dalam kajian inidisamping penerapan terhadap teori.

3.2.1 Kaedah Kepustakaan

Melalui kaedah kepustakaan, pengkaji memilih perpustakaan di Universiti Malaysia Kelantan dan Perpustakaan Awam Negeri Kedah sebagai rujukan tambahan. Bahan Rujukan yang digunakan adalah sebuah novel yang bertajuk *Olumnis* karya Dayang Nazirah Tahir. Melalui novel ini, pengkaji telah meneliti jalan cerita yang disampaikan dalam novel tersebut. Hasil daripada penelitian yang dibuat, membolehkan pengkaji memperolehi beberapa maklumat terutamanya mengenai emosi watak wanita yang terdapat dalam novel tersebut. Oleh itu, melalui emosi yang diperlihatkan oleh watak wanita dalam novel itu membolehkan pengkaji memberi perhatian utama terhadap kajian dan memudahkan lagi pengkaji untuk mengkaji menerusi emosi yang terdapat dalam watak wanita dengan lebih mendalam. Melalui kajian ini pengkaji akan memperolehi maklumat menerusi pemerolehan data, pengumpulan dan pemrosesan data.

3.2.2 Analisis Tekstual

Analisis tekstual dilakukan oleh pengkaji dengan melakukan pembacaan yang teliti terhadap teks yang digunakan iaitu teks dari novel *Olumnis* karya Dayang Nazirah Tahir sebagai rujukan utama

dalam mencapai objektif kajian. Teks novel ini dipilih kerana jalan penceritaan yang ditonjolkan dalam novel tersebut mempunyai beberapa maklumat yang berkaitan dengan objektif kajian. Oleh itu, dapat dijelaskan bahawa dengan mengenali emosi pengkaji dapat memberi fokus terhadap kajian.

3.2.3 Laman Sesawang

Melalui kaedah laman sesawang yang dibuat, ianya telah memudahkan pengkaji untuk mengkaji dengan lebih baik serta mengetahui dengan lebih mendalam tentang terhadap kajian yang dijalankan. Antara laman sesawang yang berkaitan dengan artikel akademik ialah melalui Google Scholar, Academic.edu, Dewan Bahasa dan Pustaka, E-Jurnal dan sebagainya maka dapat memberi ruang kepada pengkaji untuk mengetahui kelompongan terhadap kajian. Melalui kaedah ini juga dapat memudahkan pencarian terhadap kajian-kajian lepas supaya memberi ruang yang baru dan seterusnya dapat mengelakkan berlaku pertindihan dan persamaan terhadap kajian-kajian yang dijalankan sebelum ini.

a. Pemerolehan Data

Kaedah untuk pemerolehan data dibuat bersumberkan bahan dari sebuah novel yang bertajuk *Olumnis* karya Dayang Nazirah Tahir dan bahan rujukan dari tesis, jurnal, kajian ilmiah dan lain-lain lagi. Setiap bahan yang diperolehi mempunyai sumber maklumat dan

data-data yang berkaitan dengan tajuk kajian pengkaji iaitu emosi watak wanita serta perkara yang berkaitan dengan konsep kecerdasan emosi Daniel Goleman. Semua maklumat yang diperolehi hasil daripada maklumat di perpustakaan yang dikunjungi oleh pengkaji dan laman sesawang perpustakaan secara atas talian.

b. Pengumpulan dan Pemrosesan Data

Proses pengumpulan data diperolehi melalui analisis secara verbal, pemerhatian serta penelitian teks juga digunakan untuk melihat bentuk-bentuk emosi yang terdapat dalam novel yang dikaji berdasarkan Teori Kecerdasan Emosi Daniel Goleman. Kesemua penelitian dibuat untuk melihat bentuk emosi watak wanita yang terdapat dalam novel *Olumnis* karya Dayang Nazirah Tahir. Segala bentuk emosi dikenal pasti melalui analisis teks dan kesemua data yang diperolehi dari analisis teks dilakukan secara kualitatif yang melibatkan (i) bacaan (memoing), (ii) penerangan data, dan (iii) analisis data.

i. Bacaan (*Memoing*)

Kaedah Bacaan dilakukan menerusi bahan bacaan dari novel *Olumnis* Karya Dayang Nazirah Tahir, artikel, jurnal, tesis dan laman sesawang. Kaedah bacaan digunakan untuk memahami dengan lebih mendalam maksud tentang sesuatu perkara yang berkaitan dengan bidang yang dikaji oleh pengarang serta dapat

mengenal pasti bentuk-bentuk emosi dan aspek kecerdasan emosi yang terdapat dalam novel yang dipilih dalam kajian. Melalui teknik bacaan ini juga, ianya dapat membantu pengkaji untuk mengenal pasti kaedah dan langkah yang boleh digunakan secara menyeluruh berkaitan dengan kajian yang dijalankan menerusi teks kajian tersebut.

ii. Penerangan Data


Setelah teks dari novel dibaca secara mendalam, pengkaji dapat menerangkan semula bentuk-bentuk emosi serta dapat menjelaskan bentuk emosi yang mempengaruhi kecerdasan emosi yang terdapat dalam novel yang telah dibaca. Pekara ini penting agar data yang diperolehi dapat memberi gambaran dengan lebih jelas tentang bentuk-bentuk emosi yang mempengaruhi kecerdasan emosi berdasarkan teks kajian .

iii. Analisis Data

Bagi memastikan kajian itu lebih kemas dan mantap, data-data yang diperolehi bukan sahaja dijelaskan dalam bentuk analisis namun turut diterjemahkan menggunakan jadual yang berkaitan dengan topik perbincangan dalam setiap bab. Menerusi kajian ini, bentuk- bentuk emosi watak wanita merupakan salah satu bentuk kecerdasan emosi yang terdapat

dalam teks novel kajian yang dilihat telah mempengaruhi tingkah laku seseorang dalam melakukan sesuatu perkara sehingga dapat memberi kesan yang negatif terhadap diri seseorang serta masyarakat. Dalam kajian ini juga menggunakan kaedah kualitatif deskriptif menerusi novel kajian. Segala bentuk-bentuk emosi akan diteliti dengan menggunakan data yang diperolehi menerusi teks dari novel. Oleh itu, kajian ini menggunakan kaedah analisis data sebagai sumber maklumat dalam kajian ini (*discourse analysis*).

3.3 Carta Alir Mitodologi Penyelidikan



Rajah 2: Carta Alir Mitodologi Penyelidikan Kajian

3.4 Teori Kecerdasan Emosi

Kecerdasan emosi ialah kebolehan seseorang untuk mengenalpasti emosi diri serta emosi orang lain dengan lebih baik. Sekiranya seseorang itu dapat mengenal dalam pelbagai bentuk emosi yang ditunjukkan oleh seseorang, maka ianya dapat memotivasikan dirinya bagi mengurus emosi dengan lebih baik agar dapat menjalankan satu proses untuk membina dan menjalankan hubungan dengan orang lain lebih baik.

Menurut Goleman (1995) maksud kecerdasan emosi ialah keupayaan kita dalam mengetahui tentang perasaan sendiri serta mengetahui perasaan orang lain, agar perasaan yang diketahui dapat membentuk satu kebolehan yang dapat membina hubungan dengan orang lain agar bertambah baik. Manakala menurut Hariwijaya (2005) kecerdasan emosi ialah kemampuan untuk memahami dan bertindak bijak dalam menghadapi atau berhubung dengan orang lain. Kecerdasan emosi amat penting dalam diri seseorang agar dapat mengawal diri daripada melakukan perkara yang boleh merosakkan akal fikiran. Menurut Mayer dan Salovey (1997) mendefinisikan kecerdasan emosi sebagai kognitif masyarakat yang merangkumi tiga kategori yang utama iaitu kebolehan membezakan emosi diri dan orang lain, kebolehan mengawal emosi diri dan menyelaraskan emosi orang lain serta kebolehan menggunakan maklumat emosi untuk membimbing pemikiran.

Karya yang dihasilkan oleh Daniel Goleman pada tahun (1995) bertajuk Emotional Intelligence telah menjelaskan tentang kecerdasan emosi. Teori ini dilihat merupakan rentetan daripada kelemahan terhadap teori kecerdasan Alfred Binet. Oleh kerana Daniel Goleman menghasilkan teori kecerdasan emosi, terdapat dua aspek yang dapat dilihat iaitu kesedaran peribadi dan kesedaran sosial. Manakala ciri komponennya terdiri daripada lima komponen iaitu mengenal emosi, mengurus emosi, memotivasikan diri, empati dan kemahiran sosial.

3.4.1 Komponen Kesedaran Peribadi

a. Menenal Emosi

Mengenal emosi diri adalah salah satu dari komponen kecerdasan emosi yang dihasilkan oleh Daniel Goleman pada tahun (1995). Komponen ini penting kerana mempengaruhi kehidupan seseorang. Dalam aspek ini juga, seseorang dapat mengetahui cara perasaannya terjadi secara sedar atau tidak sedar. Menenal emosi sendiri dapat didefinisikan sebagai kebolehan seseorang itu untuk kenal pasti, mengetahui dan memahami emosi diri dengan cara mengawal perasaan. Jika seseorang tidak berjaya menangani perasaannya, maka diri mereka akan kuasai oleh emosi yang negatif sama ada disebabkan orang sekeliling atau tidak. Dalam aspek ini juga ianya berkait rapat dengan keyakinan seseorang dalam membuat sesuatu perkara. Jika

seseorang mempunyai keberanian dan keyakinan yang baik maka akan membentuk peribadi diri menjadi seorang yang peka terhadap persekitaran dan membentuk peribadi diri yang pandai membuat keputusan yang bijak bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi.

Menurut Sohaimi Abdul Aziz (1998) mengenali emosi sendiri ialah sebagai tidak terbawa-bawa dengan emosi yang berlebihan. Kesedaran diri terbahagi kepada dua iaitu kesedaran peribadi dan yang kedua ialah kesedaran sosial. Kedua-dua ini memainkan peranan yang tersendiri dalam komponen mengenal emosi diri kerana secara tidak langsung akan membentuk sifat berwaspada dalam diri.

b. Mengurus Emosi

Komponen yang kedua ialah mengurus emosi adalah sangat penting dan perlu diberi perhatian dalam diri seseorang selepas mengenal emosi sendiri. Dalam komponen ini, Goleman menjelaskan bahawa komponen ini mempunyai kebolehan dalam diri seseorang untuk berfikir dan mengenal pasti cara untuk mendapatkan sesuatu perkara dengan baik untuk diri. Dengan adanya kebolehan dalam diri seseorang akan menyebabkan dirinya dapat mengawal emosi secara tidak langsung emosi dan perasaan akan dapat dikawal dengan baik. Kebolehan ini merangkumi cara seseorang mencari kebahagiaan ketika berasa sedih, gembira, mengatasi kemurungan dan dapat menghiburkan hati daripada mengalami tekanan perasaan. Oleh itu,

dengan dapat mengawal perasaan ini seseorang akan berjaya menghasilkan kekuatan untuk mengurus emosinya dan mengelakkan perkara-perkara yang buruk daripada berlaku.

c. Memotivasikan Diri

Komponen yang ketiga yang dihasilkan oleh Daniel Goleman ialah memotivasikan diri. Komponen ini harus dimiliki oleh diri seseorang supaya apa yang berlaku dalam diri dapat dikawal perasaannya. Apabila mempunyai motivasi dalam diri yang baik, maka diri seseorang dapat mengawal diri daripada perasaan yang berunsur negatif dalam diri. Dengan adanya motivasi yang baik dalam diri akan membolehkan masalah-masalah emosi dan perasaan negatif dapat dihindari. Oleh itu, dengan adanya motivasi diri akan membentuk peribadi dan sahsiah diri yang lebih baik.

3.4.2 Komponen Kesedaran Sosial

a. Empati

Empati merupakan salah satu komponen yang terdapat dalam teori kecedasan emosi Daniel Goleman. Menurut Goleman (1995) empati dibina daripada sendiri. Empati merupakan perkara yang berkaitan dengan memahami perasaan orang lain dan mengambil berat terhadap seseorang. Hal ini kerana empati membolehkan seseorang dapat memahami hati dan perasaan seseorang. Jika seseorang individu

berjaya memahami perasaan orang lain maka individu tersebut akan menunjukkan perasaan untuk mengetahui semua masalah yang dihadapi orang tersebut. Maka dengan adanya empati dapat menimbulkan rasa perhatian seseorang dengan keadaan yang dihadapi dan memudahkan seseorang mendekatinya untuk membantu. Jika seseorang itu mempunyai empati yang tinggi dalam dirinya maka secara tidak langsung mereka menjadi lebih peka terhadap masalah yang dihadapi oleh orang lain. Bagi meletakkan seseorang itu dikatakan berjaya membina hubungan dengan individu lain adalah dengan mereka berjaya menghasilkan komunikasi yang baik dengan seseorang. Namun begitu, sekiranya seseorang gagal berkomunikasi dengan baik maka hubungan komunikasi juga terganggu dan tidak berlaku.

a. Kemahiran Sosial


Komponen yang kedua terakhir ialah kemahiran sosial dalam diri. Menurut Goleman (1995) seseorang individu mempunyai kemahiran sosial yang baik dalam diri akan memudahkan pembentukan hubungan dan sahsiah diri seseorang. Dengan hubungan yang baik maka membolehkan orang lain selesa untuk mendekati diri seseorang. Dengan ini akan membolehkan kesan positif terhadap persekitaran diri terjamin dan dapat mengharmonikan suasana dan keadaan sekeliling. Kemahiran sosial ini melibatkan seseorang dengan keadaan sekeliling seperti keluarga, rakan dan masyarakat sekitar yang melibatkan

interaksi dengan sosial. Kemahiran sosial ini juga melibatkan komunikasi yang baik sama ada dengan orang yang dikenali atau sebaliknya. Oleh itu, apabila berlakunya komunikasi yang baik maka akan membentuk keselesaan untuk menjalinkan hubungan dengan seseorang menjadi lebih akrab. Hal ini juga akan mendatangkan kesan yang positif terutamanya dalam membentuk peribadi yang harmoni. Secara keseluruhannya, komponen membina hubungan ini amat penting dalam kehidupan manusia kerana akan membentuk emosi yang akan diperlihatkan dalam diri seseorang.

3.5 Pemilihan Komponen Terhadap Kajian

Oleh itu, kajian ini menggunakan kesemua komponen yang ada dalam Teori Kecerdasan Emosi yang dipilih. Hal ini kerana kesemua komponen yang dipilih bersifat dominan dengan objektif kajian yang dibuat. Komponen yang dipilih sangat penting dalam Teori Kecerdasan Emosi kerana dapat mengenal bentuk-bentuk emosi yang terkandung dalam diri.

3.6 Kerangka Konseptual



Rajah 3: Kerangka Konseptual Kajian

3.7 Kesimpulan

Secara kesimpulanya dalam bab ini telah memberi fokus terhadap metodologi kajian dan kaedah yang digunakan dalam mencapai hasil kajian. Pengkaji telah menjelaskan secara ringkas metodologi yang digunakan dalam kajian ini dan menghuraikannya dari segi reka bentuk kajian, kaedah kajian, pemerolehan data dan pengumpulan data serta telah menyusun strategi dalam menjelaskan matlamat kajian disamping menjadikan carta alir metodologi sebagai asas untuk mengenal pasti isu dalam menganalisis teks kajian bagi mencapai objektif kajian. Dengan adanya proses-proses yang telah ditetapkan ianya dapat memudahkan lagi pemahaman terhadap Teori Kecerdasan Emosi menerusi teks kajian yang telah dipilih. Dalam bab ini juga menjelaskan tentang teori yang digunakan dalam kajian secara menyeluruh berdasarkan komponennya melalui kerangka konseptual yang dibina.

BAB 4

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan

Menerusi bab ini, pengkaji akan mengenal pasti bentuk-bentuk emosi dalam novel *Olumnis* karya Dayang Nazirah Tahir sebagai objektif pertama yang telah diutarakan dalam kajian ini. Berdasarkan konteks ini, pengkaji telah memberikan penekanan terhadap dua pembahagian emosi iaitu emosi positif dan emosi negatif. Namun kesemua bentuk emosi yang dikenal pasti tersebut merupakan bentuk emosi yang berfokuskan terhadap bentuk emosi oleh Danial Goleman. Setiap pemilihan emosi pula hanya berfokuskan kepada watak wanita hasil daripada penceritaan yang ditonjolkan dalam novel *Olumnis*.

4.1 Bentuk-Bentuk Kecerdasan Emosi Goleman Berdasarkan Watak Wanita Dalam Novel *Olumnis* Karya Dayang Nazirah Tahir.

Berdasarkan dari novel *Olumnis* karya Dayang Nazirah Tahir, pengkarya telah memperlihatkan pelbagai bentuk emosi sama ada oleh watak utama mahupun watak sampingan. Namun, emosi yang dikenal pasti ini hanya berfokuskan kepada watak wanitasahaja. Setelah emosi-emosi telah dikenal pasti dalam novel tersebut, maka ianya dipecahkan kepada dua kategori iaitu emosi positif dan emosi negatif.

Bentuk-Bentuk Emosi Goleman



Emosi Positif	Emosi Negatif
<ul style="list-style-type: none"> • Bahagia • Hormat • Cinta 	<ul style="list-style-type: none"> • Marah • Benci • Malu

Rajah 4: Bentuk-bentuk Emosi menurut Danial Goleman

4.1.1 Bentuk-bentuk Emosi Positif

Emosi positif ialah emosi yang menghadirkan perasaan membahagiakan terhadap diri seseorang. Menurut Goleman (1995) emosi positif adalah kenikmatan yang mencakupi rasa bahagia, gembira, riang, puas, senang, terhibur, bangga dan sebagainya. Selain daripada itu, secara jelasnya perasaan cinta, rasa percaya, baik hati, hormat dan kasih juga merupakan antara bentuk-bentuk emosi positif. Jika sebaliknya perasaan emosi seseorang berubah, ianya merupakan emosi negatif yang terdapat dalam diri seseorang. Oleh itu, emosi positif juga dapat menimbulkan sebuah motivasi dalam diri seseorang kerana unsur motivasi yang luar biasa merupakan salah satu bentuk perasaan yang positif.

a. Bahagia

Secara umumnya dalam bahasa Yunani perkataan bahagia atau kebahagiaan dikenali sebagai *eudaimonia* iaitu kebahagiaan. Menurut Aristotle (1819) perkataan bahagia berasal dari bahasa Inggeris iaitu *happy* yang diperkembangkan lagi dengan maksud *feeling good*, *having fun* atau juga sebagai satu keadaan yang menjadikan seseorang merasa gembira. Aprilianto (2008) pula menyatakan bahagia sebagai salah satu perkara yang dapat memberi kesenangan dalam diri seseorang.

Selain itu, kebahagiaan atau bahagia dapat dirasai melalui perasaan dan hati seseorang. Hal ini dapat dibuktikan melalui pandangan dari Wahyuni (2010) yang menyatakan bahawa bahagia perlu dirasai dan dapat memberikan kesenangan dan kedamaian kepada diri kita sendiri. Oleh itu kebahagiaan dan rasa bahagia perlu dipupuk dalam diri seseorang kerana perasaan ini sangat mempengaruhi kadar emosi seseorang. Rasa bahagia menjadi tunjang dan salah satu bentuk yang perlu kita ukur berdasarkan kualiti dalam kehidupan seseorang sama ada baik atau buruk.

Oleh itu, berdasarkan novel *Olumnis*, emosi bahagia dapat dilihat dalam watak wanita menerusi watak Olumnis dan adiknya Kinambura. Hal ini kerana watak kedua-dua wanita ini jelas menunjukkan kebahagiaan antara adik beradik ini apabila mereka

memperolehi rezeki iaitu memperolehi pelbagai jenis ikan hasil daripada tangkapan mereka di sungai. Hal ini jelas menunjukkan gambaran kebahagiaan dalam diri mereka yang dimana setelah berusaha bersama-sama dan berkerjasama dalam mencari rezeki telah menyebabkan mereka memperolehi hasil yang banyak untuk dibawa pulang ke rumah. Melalui emosi positif iaitu emosi bahagia ini dapat dibuktikan dalam petikan dibawah:

“Kinambura bantu kakak tarik rambat ni. Berat...” kata Olumnis meminta bantuan Kinambura. Mereka pun berkerjasama menarik rambat tersebut.

Apabila rambat itu ditarik ke atas perahu, pelbagai jenis ikan dan udang tersangkut pada mata rambat. Adik-beradik itu bersorak gembira, sambil memasukkan semua hasil tangkapan itu kedalam tong. Mereka bersama-sama mendayung perahu itu sambil menyanyi gembira.

(Dayang Nazirah Tahir, 2018: 12)

Berdasarkan petikan tersebut jelas menunjukkan bahawa emosi Olumnis dan Kinambura diperlihatkan dan digambarkan sebagai seorang yang mengalami kebahagiaan. Kebahagiaan yang ditunjukkan dalam diri mereka telah meletakkan diri mereka di tempat yang positif walaupun terdapat hal yang mengganggu fikiran. Selain itu, emosi ini jelas menunjukkan kebahagiaan dalam kehidupan mereka setelah lama menunggu hasil ikan, akhirnya mereka berjaya memperolehi hasil rezeki yang banyak untuk dibawa pulang ke rumah sehinggakan

mereka pulang dengan hati yang gembira sambil menyanyi riang. Emosi yang digambarkan sebagai seorang yang bahagia telah menyebabkan Olumnis dapat melupakan masalah yang mengganggu pikiran dan membuat dirinyayang mengalami perasaan sedih dan takut kehilangan keluarganya.

b. Hormat

Bentuk emosi positif yang seterusnya ialah hormat. Menurut Dillon (2003) hormat adalah asal daripada perkataan bahasa Inggeris iaitu *“respect, most generally, has cognitive dimension”*. Oleh itu, perkataan hormat di nilai sebagai salah satu perbuatan yang melambangkan diri seseorang yang mempunyai sifat bersopan santun. Perkara ini amat penting dalam diri seseorang bagi membentuk perwatakan dan peribadi seseorang dalam melakukan sesuatu perkara. Perkara ini di sokong oleh Stevenson (2006) yang menyatakan makna hormat merujuk kepada satu daripada lima puluh perwatakan dalam diri seseorang individu. Antara perwatakan yang dapat kita lihat dalam diri seseorang adalah merangkumi nilai tanggungjawab, sifat tolong menolong, jujur dan nilai hormat menghormati sesama individu dan masyarakat. Oleh itu, dengan adanya nilai-nilai tersebut dapat membentuk personaliti yang baik dan dapat mengawal diri seseorang untuk mengendalikan emosi dalam pelbagai keadaan. Selain itu,

menurut pendapat dari Borba (2006) hormat didefinisikan sebagai kata yang tergolong dalam konteks salah satu daripada nilai kebajikan yang dapat membentuk sahsiah seseorang dalam bertindak secara bermoral dalam bentuk paling asas dan paling penting iaitu disebut sebagai (*Essential Virtues*). Hal ini membuktikan bahawa nilai hormat amat penting dan perlu dititikberatkan dalam diri seseorang bagi membentuk perasaan hormat kepada orang yang lebih tua.

Oleh itu, perasaan hormat merupakan salah satu perasaan yang dikategorikan sebagai emosi positif yang dapat ditunjukkan dalam diri seseorang. Emosi hormat dalam diri dapat membuatkan seseorang merasa dihargai dan senang apabila berkomunikasi dengan kita. Perkara ini dibuktikan oleh Lickona (1991) yang menyatakan pandangan bahawa hormat adalah “ *to educate for respect... is to educate for character*”. Hal ini membuktikan bahawa nilai hormat akan muncul apabila watak seseorang diajar dari bangku sekolah lagi. Berdasarkan novel *Olumnis* ini pengkarya telah memasukkan rasa hormat terhadap watak wanita bagi menunjukkan nilai kasih dan nilai emosi yang memudahkan para pembaca memahami perasaan itu sendiri. Menerusi penceritaan yang ditonjolkan tersebut, pengkarya telah memasukkan elemen emosi hormat yang baik dalam watak *Olumnis* tersebut. Hal ini dapat dilihat dalam petikan novel *Olumnis* di bawah:

“*Olumnis*, sudah siap kopi yang kamu buat tadi” tanyaibunya perlahan.”

“Sudah ibu, nanti Kinambura tolong hidangkan,”jawab Olumnis dengan lembut.
“Maaf...Olumnis ke dapur dahulu ya” ujarnya lagi.

(Dayang Nazirah Tahir, 2018: 4)

Berdasarkan petikan diatas, jelas menunjukkan bahawa Olumnis menunjukkan hormat kepada ibunya dengan baik dan bersopan santun tanpa bercakap kasar. Dalam konteks ini turut menunjukkan bahawa, emosi hormat yang ditunjukkan oleh Olumnis terhadap ibunya merupakan nilai sopan santun dan rasa hormat anak terhadap orang yang lebih tua iaitu ibunya sendiri. Dengan adanya perasaan hormat dalam dirinya menyebabkan dia dipandang mulia oleh ibunya dan masyarakat yang lain. Hal ini secara tidak langsung telah membentuk keterampilan peribadi sosial dengan baik berdasarkan pendapat Nurrihsan (2007) antara watak Olumnis dan ibunya. Oleh itu, jelaslah menunjukkan bahawa hormat merupakan emosi yang sangat penting dalam diri seseorang manusia tidak kira golongan muda atau tua. Bagi melahirkan emosi hormat dalam diri seseorang harus di didik sejak dari kecil lagi kerana pada usia kanak-kanak sangat senang untuk membentuk rasa hormat. Oleh hal yang demikian, kesan daripada kewujudan emosi hormat ini akan membentuk personaliti diri seseorang dengan baik.

c. Cinta

Menurut Rubin (1922) cinta merupakan salah satu bentuk perilaku, perbuatan atau sikap yang terdapat pada diri seseorang manusia kepada seseorang yang lain yang dianggap istimewa dan akan menimbulkan perasaan kasih dan sayang serta dapat mengubah cara dirinya dan perilakunya. Perkara ini menggambarkan bahawa perasaan kasih dan sayang yang mendalam terhadap sesuatu perkara atau seseorang yang telah membuatkan individu itu menjadi terlalu sayang dan membuat emosi seseorang menjadi berubah-ubah. Hal ini dibuktikan dari Libowitz (1992) yang menyatakan bahawa maksud cinta adalah salah satu bentuk emosi yang dipanggil sebagai emosi yang positif dan dapat dirasakan melalui perasaan yang kuat dalam diri seseorang.

Kamus Dewan (1996) pula mendefinisikan cinta sebagai perasaan atau berperasaan sangat sayang terhadap sesuatu seperti negara, ibu bapa, kebebasan dan lain-lain. Cinta ini memainkan peranan yang sayang mendalam berkaitan dengan keseluruhan hati kepada sesuatu yang dicintai. Dalam era global cinta dalam erti kata lain sebenarnya umum kerana merangkumi cinta hamba kepada pencipta-Nya, cinta sesama manusia, ibu bapa dan sebagainya. Namun pada zaman sekarang istilah cinta sering disalah ertikan dengan menganggap cinta hanya kepada wanita dan lelaki dan paling menyedihkan cinta yang belum berkawin. Selain itu, menurut pandangan dari Helen Fisher (2004) cinta dianggap satu bentuk emosi

yang sangat berfungsi sebagai satu bentuk untuk dijaga dan dilindungi dari sebarang kejahatan.

Menerusi novel *Olumnis* dapat dilihat bagaimana watak wanita iaitu Olumnis yang menggambarkan emosi cinta terhadap orang yang dicintainya. Hal ini dibuktikan apabila emosi cinta dapat dilihat apabila watak tersebut amat menyayangi keluarganya dimana Olumnis amat rapat dengan adiknya seperti seorang sahabat. Hal ini dapat dibuktikan berdasarkan petikan dalam novel *Olumnis* yang menggambarkan emosi cinta seperti berikut:

“Olumnis sangat menyayangi ibu dan bapa, serta adiknya Kinambura. Hubungan kedua-dua beradik ini sangat rapat. Olumnis bukan sahaja kakak kepada Kinambura, malah dijuga umpama sahabat kepada adiknya itu. Kinambura menghormati dan mentaati segala perintah kakaknya tanpa bantahan. Olumnis sangat sayang dan menjaga adiknya seperti menatang minyak yang penuh”

(Dayang Nazirah Tahir, 2018:1)

Berdasarkan petikan diatas, jelaslah bahawa Olumnis seorang yang amat menyayangi dan mencintai ibu bapa dan adiknya. Perkara ini dikesan apabila digambarkan Olumnis sangat rapat dengan adiknya Kinambura dan sering menjaga adiknya dan membawa adiknya kemana-mana sahaja bersamanya. Hal ini kerana Olumnis amat sayang dengan keluarganya yang telah banyak menjaganya dan memberikan kasih sayang seperti menatang minyak yang penuh. Kasih sayang yang ditunjukkan Olumnis dalam menjaga adiknya telah

membuktikan bahawa nilai kasih dan cinta Olumnis terhadap adiknya sehinggakan adiknya menghormati dan mentaati perintah kakaknya tanpa mengecewakan hati dan perasaan kakaknya Olumnis. Sikap Olumnis ini menggambarkan nilai cinta dan kasih seorang kakaknya terhadap adiknya tanpa berbelah bahagi.

4.1.2 Bentuk-Bentuk Emosi Negatif

Emosi negatif merupakan emosi yang dianggap tidak baik atau perasaan yang tidak menyenangkan dan dapat merosakkan perasaan seseorang yang mengalaminya. Menurut Dhanis Cahyo Jatmiko (2017) sekiranya emosi negatif ini berada diluar kawalan seperti perasaan marah-marah yang tidak dapat dikawal, meraung-raung, sedih dan bergaduh akan menyebabkan berlakunya perubahan emosi. Dengan adanya emosi negatif ini akan menimbulkan masalah yang dapat mengganggu jiwa dan perasaan seseorang. Goleman (1995) telah memberikan pendapat bahawa emosi negatif dapat dilihat melalui perasaan marah seperti mengamuk, benci, kesal dan sebagainya. Selain itu, terdapat juga emosi negatif melalui perasaan kesedihan, perasaan takut, jengkel dan perasaan malu dan sebagainya. Setiap individu perlu pandai mengawal perasaan bagi mengelakkan berlakunya emosi negatif kerana perasaan ini dapat menjejaskan kehidupan seseorang. Hal ini berlaku apabila kita dapat mengendalikan berbagai emosi negatif yang ada dalam diri secara tidak langsung kita dapat mengawal percakapan kita daripada menyakiti hati orang sekeliling yang berinteraksi dengan kita.

a. Marah

Secara umumnya perasaan marah wujud apabila seseorang itu mengalami masalah atau gangguan yang mendorong dirinya marah. Menurut Daidoff (1991), marah membawa maksud perasaan yang muncul apabila seseorang individu mempunyai perasaan yang tidak sukakan sesuatu yang sangat mendalam sama ada kesalahan kecil atau besar. Hal ini disokong dengan pendapat daripada Nordiana (2014) dalam kajiannya yang menyatakan bahawa sikap marah ialah nyalaan api yang bersumberkan api Allah yang menyala serta menjulang tinggi sampai lubuk hati berdasarkan pandangan dari Iman Al-Ghazali. Terdapat beberapa perubahan fizikal yang dikenalpasti memiliki emosi marah seperti perubahan air muka, gementar badanya dan sehingga mengeluarkan kata-kata keji dan kesat.

Menurut Chaplin (1998) dalam bukunya *Dictionary of Psychology* marah adalah salah satu keadaan emosi yang timbul dan muncul disebabkan oleh ancaman, kekecewaan dan tekanan yang dilalui oleh seseorang individu. Oleh itu, emosi marah merupakan salah satu bentuk emosi negatif yang harus dikawal dan emosi ini juga turut tergolong dalam konteks sosial yang disebabkan ketidakadilan dalam mengawal perasaan sehingga menimbulkan ketidakpuasan dalam interaksi sosial.

Dalam aspek ini, emosi marah dapat dilihat dalam novel *Olumnis* berdasarkan penelitian yang dibuat oleh penulis, iaitu beliau telah menunjukkan bahawa watak wanita di dalam novel ini mempunyai emosi marah yang sangat luar biasa. Hal ini adalah disebabkan oleh keadaan yang berlaku dalam situasi diluar kawalan sehinggakan emosi marah terjadi. Buktinya dapat dilihat menerusi petikan di bawah:

“Cepat ibu! Baba! Naik ke perahu!” laung Olumnis mengarah dalam keadaan yang amat tertekan”.

“Olumnis kami tidak boleh ikut kamu! Nanti perahu itu tenggelam!” tegas ibunya. Kata-kata ibunya itu menyebabkan Olumnis tersentak.

“Ibu, mari ikut kami. Baba... mari” rayu Olumnis sambil mengoncang bahu ibunya.

(Dayang Nazirah Tahir, 2018:60)

Berdasarkan emosi marah yang digambarkan di atas jelaslah menunjukkan bahawa watak Olumnis amat marah dan berasa tertekan sehingga beliau tidak dapat mengawal emosi beliau ketika bercakap dengan ibu bapanya sehingga menyebabkan ibunya melepaskan emosi marah dengan tegas menyuruhnya pergi meninggalkan kampung dengan perahu agar tidak tenggelam dengan air yang semakin kuat menolak. Petikan tersebut juga jelas menunjukkan bahawa Olumnis telah melepaskan kemarahannya dengan menunjukkan perbuatan luar kawalan dengan mengoncang bahu ibu dengan kuat.

b. Takut

Perasan takut telah dijadikan oleh Allah tanpa mengira sebarang perkara dan mempunyai hikmah yang tersendiri yang akan membentuk peribadi seseorang. Hal ini dibuktikan lagi pendapat dengan mengambil daripad Jamilah Samiah (2012) yang menyatakan bahawa wajar untuk manusia berasa takut kerana perasaan takut merupakan salah satu cara melindungi diri daripada terperangkap dalam situasi yang membahayakan. Perasaan takut ini akan membuatkan seseorang berasa terancam dan memberikan tekanan perasaan yang boleh menjejaskan kesihatan seseorang iaitu penyakit *state anxiety*. Hal ini di sokong oleh Spielberger (2003) yang menyatakan dengan adanya *state anxiety* tersebut telah membawa kepada perasaan ketegangan dalam diri seseorang akibat daripada keadaan emosinya yang terganggu.

Selain itu, ketidakupayaan seseorang dalam mengawal emosi takut akan menyebabkan fikiran dan emosi akan menjadi buruk. Hal ini disokong oleh Tallis (1991) yang menyatakan bahawa fikiran yang buruk akan menyebabkan seseorang itu mengalami masalah mental dan menyebabkan dirinya tidak dapat mengendalikan emosi hingga mindanya mengalami perasaan cemas yang melampau. Perkara ini secara tidak langsung menyebabkan diri seseorang akan menjadi takut untuk bergaul dan bertemu di kawasan umum. Sesiapa yang mempunyai perasan takut akan menyebabkan dirinya hilang kawalan

dalam mengendalikan emosi dalam sesuatu keadaan dan menyebabkan dirinya hilang pertimbangan dalam membuat keputusan.

Oleh itu, berdasarkan novel *Olumnis*, jelaslah menunjukkan bahawa emosi takut juga dimiliki dalam watak wanita. Hal ini dibuktikan dengan perasaan takut yang dimiliki oleh Kinamburan dan rasa takut Olumnis yang sangat ketara dalam menhadapi sesuatu perkara dan keadaan yang tegang. Perasaan takut yang digambarkan ialah apabila watak Kinambura yang takut kehilangan kakak yang cuba untuk terjun ke dalam sungai untuk menghilangkan kesedihan di dalam hati. Emosi takut ini dapat dilihat dalam petikan dibawah:

“Kakak! Kenapa ni?” Kinambura bertanya. “Adik takutlah,” kata Kinambura sambil menagis. Kinambura jelas ketakutan melihat keadaan kakaknya. Tanpa memperdulikan Kinambura, Olumnis secepat kilat terjun ke dalam sungai.

(Dayang Nazirah Tahir, 2018: 7)

Berdasarkan petikan diatas, jelas menunjukkan bahawa emosi takut yang diperlihatkan telah menyebabkan seseorang berasa takut sehingga dapat mengalirkan air mata. Hal ini dimana Kinambura takut kehilangan kakaknya yang disayangi sehingga menyebabkan dirinya mengalami emosi takut yang mendalam. Bagi Kinamburakakaknya adalah insan yang sangat penting didalam hidupnya menyebabkan dirinya tidak dapat menerima perbuatan kakaknya yang cuba untuk menyimpan kesedihan dengan terjun kedalam sungai. Hal ini jelaslah

menunjukkan bahwa emosi takut akan melanda diri seseorang disebabkan orang yang disayangi sentiasa menjadi tulang belakang didalam kehidupannya.

Selain itu, berdasarkan novel *Olumnis* juga terdapat emosi takut yang telah ditonjolkan iaitu emosi takut yang dapat dilihat oleh watak Olumnis yang juga amat menyayangi adiknya Kinambura dan takut kehilangan adiknya. Perkara ini dapat dibuktikan dengan petikan dibawah:

“Oh Tuhan, selamatkanlah kami berdua,”
Olumnis berdoa dalam hati. Kadangkala
Olumnis memeluk adiknya yang memang
takut dengan bunyi guruh.

(Dayang Nazirah Tahir, 2018 :16)

Berdasarkan petikan di atas jelas juga menunjukkan emosi takut juga dialami oleh Olumnis yang takut kehilangan adiknya sehingga membuatkan dirinya sentiasaberdoa agar dirinya dan adiknya sentiasa selamat. Olumnis yang amat menyayangi adiknya telah membuatkan dirinya mengalami emosi takut yang mendalam. Hal ini jelaslah menunjukkan bahawa emosi takut akan menyebabkan seseorang berasa terancam dan menyebabkan seseorang hilang kawalan dalam mengawal perasaan takut.

c. Malu

Malu menurut Suhana Sulaiman (2014) konsep malu membawa makna yang baik dan makna yang buruk. Sekiranya malu yang baik akan berkaitan dengan tingkah laku yang sopan. Manakala malu yang negatif ialah malu yang mempunyai makna seperti malu bertanya, malu memberikan pandangan, malu untuk menegur dan lain-lain lagi. Hal ini kerana, menurut beliau jika malu terhadap sesuatu yang baik akan membawa kepada menjaga kehormatan seseorang. Jika sebaliknya pula akan menunjukkan sifat malu terhadap sesuatu yang buruk.

Manakala Menurut Cottle (1999) malu membawa maksud kepada seseorang manusia yang mempunyai perasaan malu dalam mengelak dirinya daripada bertemu dengan orang lain terutamanya orang yang baru kenal sehingga menyebabkan orang sekeliling mengatakan mereka mengalami masalah gangguan dalam pergaulan. Perkara ini secara tidak langsung menyebabkan emosi mereka terganggu dan menyebabkan mereka lebih suka bersendirian dalam melakukan sesuatu perkara.

Berdasarkan novel *Olumnis*, emosi malu dapat dilihat oleh watak Olumnis itu sendiri yang mengalami gangguan emosi malu. Emosi malu yang digambarkan oleh penulis dalam teks adalah watak yang dimana Olumnis berasa kurang selesa ketika semua orang melihat

dirinya ketika dipaksa duduk di hadapan ramai orang. Hal ini dapat dilihat dalam petikan dibawah:

“Oumnis duduk di sini ya ...,” kata ibunya. Dia diminta duduk di hadapan rombongan tadi. Secara mendadak perasaan malu menyelubungi diri Oumnis. Wajahnya terasa panas, seakan-akan demam.

(Dayang Nazirah Tahir, 2018: 48)

Berdasarkan petikan diatas, jelas menunjukkan bahawa emosi malu tersebut telah menyebabkan diri Oumnis mengalami gangguan emosi yang menyebabkan diri tidak dapat mengawal perasaan malu di dalam dirinya. Hal ini kerana beliau berasa malu dengan keadaan yang dihadapinya ketika itu. Emosi malu yang dihadapinya membuatkan dirinya menjadi tertekan dan hilang pertimbangan dalam mengendalikan emosi dirinya kerana merasakan dirinya dipertontonkan di hadapan tetamu yang melihat dirinya. Hal ini membuktikan emosi malu akan menyebabkan seseorang tidak dapat mengawal diri dan menyebabkan diri seseorang berasa malu.

MALAYSIA

KELANTAN

4.2 Model Kecerdasan Emosi (MKE) Dalam Novel *Olumnis* Karya Dayang Nazirah Tahir.

Berdasarkan novel *Olumnis*, ciri komponen Kecerdasan Emosi oleh Goleman telah terbahagi kepada dua bahagian iaitu Kesedaran Peribadi dan Kesedaran Sosial. Menerusi kesedaran peribadi terdapat beberapa komponen yang dimiliki iaitu mengenal emosi, mengurus emosi dan memotivasikan diri. Manakala dalam komponen kesedaran sosial pula terdiri daripada komponen empati dan kemahiran sosial. Berdasarkan kepada kelima-lima komponen yang telah diciptakan oleh Goleman ini telah diguna pakai ke dalam novel *Olumnis* bagi melihat kecedasan emosi berdasarkan watak wanita dalam novel tersebut. Hasil daripada penelitian yang dibuat dalam novel yang dikaji jelaslah menunjukkan bahawa terdapat komponen Kesedaran Peribadi dan Kesedaran Sosial dalam watak-watak wanita dalam novel tersebut. Oleh itu, dengan menggunakan komponen Kesedaran Peribadi dan Kesedaran Sosial ianya membolehkan pengkaji untuk mengetahui sama ada watak tersebut memiliki keupayaan sendiri dan keupayaan sosial yang positif atau tidak. Hal ini dikatakan demikian kerana keupayaan seseorang diukur berdasarkan kecedasan emosi diri sendiri sama ada tinggi atau lemah dalam mengendalikan kawalan emosi.

4.2.1 Komponen Kecerdasan Emosi

Jadual 1: Komponen Kecerdasan Emosi Menurut Danial Goleman.

Komponen Kesedaran Peribadi	Komponen Kesedaran Sosial
<ul style="list-style-type: none"> • Mengenal Emosi • Mengurus Emosi • Memotivasikan Diri 	<ul style="list-style-type: none"> • Empati • Kemahiran Sosial

4.2.1.1 Kesedaran Peribadi

Menurut Achmanto Mendatu (2010) kesedaran peribadi merupakan keadaan seseorang yang berupaya untuk memahami diri sendiri dengan secara tidak sengaja dan tersendiri. Kesedaran peribadi dilihat sebagai keadaan seseorang terhadap dirinya tentang nilai-nilai, keperluan, keinginan, emosi atau tindakan diri seseorang yang melakukan sesuatu perkara. Menurut Duval dan Wicklund (1972) keadaan merupakan sifat yang dimiliki dalam diri seseorang yang boleh dipupuk dengan sepenuh perhatian sama ada dalam diri sendiri atau persekitaran luaran bagi membolehkan penilaian terhadap diri dilakukan. Dengan ini secara tidak sengaja seseorang akan melakukansesuatu tanpa disuruh kerana diri seseorang dapat mengawal keadaan dan situasi yang berlaku. Menurut Goleman (1995) kesedaran diri dianggap salah satu

kemampuan seseorang untuk mengenal perasaan ketika berlakunya situasi yang tidak dapat dijangkakan. Oleh itu, kesedaran ini dianggap merupakan salah satu daripada komponen kesedaran peribadi dalam diri seseorang. Dengan adanya kesedaran peribadi ini secara tidak langsung masyarakat dapat memahami perasaan sedih, sayang, gembira dan sebagainya yang terjadi di dalam diri seseorang.

Kesedaran diri juga dilihat pada masa ini semakin di beri perhatian kerana dengan menjaga perasaan seseorang hal ini dapat mengurangkan berlakunya gangguan perasaan dalam diri seseorang di nilai dengan adanya kesedaran peribadi akan membuatkan seseorang dapat memahami emosi dan kawalan perasaan yang dirasakan. Kesedaran ini amat penting dalam diri seseorang dalam memahami dirinya dan perasaan tanpa merosakkan kawalan kesihatan dirinya. Menurut Zaidatol Akmaliah (2011), kecerdasan emosi yang dapat dikawal dengan baik dan stabil menunjukkan bahawa seseorang individu tersebut dapat membezakan perkara yang baik dengan perkara yang tidak baik secara jelas dan baik semasa membuat keputusan atau tindakan.

Selain daripada itu juga, Duval dan Wicklund (1972) menegaskan bahawa kesedaran peribadi ini sangat penting dalam pengetahuan, pemikiran dan sikap yang mempengaruhi individu untuk berfikir dengan lebih luas dan jelas dalam merancang aktiviti-aktiviti harian yang bersama. Kesedaran peribadi juga mempengaruhi

personaliti seseorang secara nyata melalui cara permaknaan, bercakap dan sikap bagi memahami dengan lebih jelas. Oleh itu, ditegaskan bahawa kesedaran peribadi merupakan salah satu komponen yang sangat penting dalam memahami sikap, perasaan dan emosi seseorang sama ada positif atau negatif.

a. Mengenal Emosi

Menurut Goleman (1998) yang menyatakan pandangan bahawa mengenal emosi peribadi menjadi asas kepada kecerdasan emosi yang melibatkan kebolehan dalam memahami diri sendiri dan berkeyakinan dalam diri. Mengenal diri dianggap salah satu kebolehan yang dimiliki dalam diri seseorang dalam mengenalpasti, memahami serta berpengertahuan tentang perasaan dan emosi diri sendiri. Seseorang yang memiliki komponen ini akan dianggap sebagai seorang yang sangat bertanggungjawab dalam menghayati perasaan dan emosi seseorang dari segi sifat, perwatakan dan kawalan minda yang jelas dan baik. Bagi Daniel Goleman komponen mengenal emosi ini sering kali melibatkan kesedaran emosi, membuat keputusan dan langkah dalam membuat penilaian bagi mengawal emosi.

Mengenal emosi didefinisikan sebagai keupayaan seseorang untuk memahami emosi yang dimiliki dalam diri bagi mengawal perasaan seperti perasaan sedih, kecewa, gembira dan lain-lain lagi. Menurut Sohaimi Abdul Aziz (1998) mengenal emosi dianggap sebagai satu rasa yang hadir dalam diri sehingga terbawa kepada emosi sama ada emosi yang boleh dikawal atau tidak. Seseorang akan menyedari emosi yang terganggu mindanya menyebabkan kadang-kadang berlakunya perkara diluar kawalan. Keupayaan ini saling berkaitan dengan pemikiran yang melanda dalam idea, ilham, reaksi dan tindakan yang cuba diambil bagi mengawal perasaan. Dengan adanya kesedaran peribadi ini, secara tidak langsung setiap individu dapat mengambil langkah yang terbaik untuk membendung perkara ini dari terus berlaku. Hal ini dikatakan demikian kerana kesedaran ini secara peribadinya dapat dilihat maklumat berdasarkan kepada perkara yang diperoleh dari tempat kajian. Mengenal emosi sendiri membolehkan seseorang individu dapat membuat keputusan dengan lebih tepat mengikut gerak hati dan nalurinya.

Berdasarkan analisis kandungan teks, watak Olumnis merupakan watak wanita yang digambarkan memenuhi ciri komponen mengenal emosi diri kerana berdepan dengan pelbagai konflik. Hal ini dapat dilihat dalam petikan dibawah:

“Apakah selepas berkahwin akau akan sebahagia ini?”. Adakah suamiku nanti akan memanjakan aku seperti ibu dan bapaku?”. Olumnis menyoal dirinya sendiri dalam diam. Tanpa disedari air mata Olumnis mengalir semula. Olumnis segera menyekat air matanya, takut nanti terlihat oleh ibu dan adiknya.

(Dayang Nazirah Tahir, 2018: 22)

Berdasarkan petikan di atas, komponen mengenal diri emosi dapat dilihat melalui watak Olumnis. Hal ini kerana, walaupun Olumnis menghadapi masalah, dia dapat mengawal perasaan sedih yang hadir secara tiba-tiba. Olumnis mempunyai kemampuan mengenal emosi sendiri dengan baik, menyebabkan dirinya mampu untuk berfikiran positif dalam keadaan yang mengganggu perasaannya. Oleh itu, kemampuan mengenal emosi menurut Wan Mohd Zain (2015) ialah kebolehan mengenal emosi digambarkan sebagai keupayaan seseorang menerima, menilai dan mampu mempamerkan emosi dengan efektif yang merupakan langkah pertama dalam mengenal kecerdasan emosi seseorang individu.

Menerusi petikan ini juga menunjukkan bahawa watak Olumnis berjaya mengawal tindakan dirinya dari terus menagis dihadapan keluarga agar tidak dilihat oleh kedua ibu bapanya. Dengan mengenal emosi diri ini juga telah membuatkan Olumnis bertindak secara dengan baik dan menjadikan dirinya tidak mudah mengalirkan air mata. Oleh itu, jelaslah menunjukkan bahawa

watak wanita iaitu Olumnis merupakan komponen dalam mengenal diri sendiri.

b. Mengurus Emosi

Menurut Goleman (1999), mengurus emosi merupakan salah satu daripada komponen kesedaran peribadi dalam menentukan tahap kecerdasan emosi seseorang. Dalam mengurus emosi pengawalan emosi amat penting dalam diri seseorang. Setiap perasaan yang dimiliki amat memainkan peranan dalam pengawalan emosi yang melibatkan pengurusan diri, kata hati dan akal fikiran dalam mengurus emosi sendiri. Mengurus emosi dilihat sebagai kebolehan individu untuk menentukan hala tuju, serta mengenal pasti sesuatu keadaan yang berlaku yang melibatkan kemampuan individu untuk membuat keputusan dalam diri sendiri.

Kebolehan diri seseorang dalam mengawal keadaan dan emosi jelas ada pada watak wanita terutamanya dalam watak Olumnis dalam teks kajian. Pengurusan emosi yang cuba dilakukan oleh watak utama ini dalam memberikan respon dan tidak balas untuk mengatasi konflik dalam jiwa yang melanda dirinya dan adiknya. Hal ini dapat dilihat ketika watak Olumnis cuba mengawal perasaan dan memujuk adiknya yang ketakutan berdasarkan kepada petikan dibawah:

“Kak cepatlah sikit... Kinambura takutlah...,” gesa Kinambura dengan suara dan wajah yang cemas.

“Sabar Kinambura ... jangan takut macam ni..., kakak kan ada,” pujuk Olumnis. Sesungguhnya dia cuba memujuk adiknya, tapi dalam hatinya tersembunyi perasaan takut yang teramat.

(Dayang Nazirah Tahir, 2018: 55)

Berdasarkan petikan di atas, komponen mengurus emosi dapat dilihat dalam diri Olumnis dalam mengawal perasaan dirinya dan adiknya ketika menghadapi situasi genting walaupun terpaksa memujuk adiknya yang semakin tidak dapat mengawal rasa takut dalam diri. Komponen mengurus emosi diri amat penting dalam mengawal perasaan dimana dia berusaha untuk menyelamatkan keadaan dia dan adiknya dengan berusaha mendayung perahu dengan bersungguh-sungguh untuk menyelamatkan diri dari ditengelami air sungai yang semakin kuat dan berombak. Dengan semangat yang kuat mereka berjaya mengawal perahu mereka daripada ditengelami air. Jika mereka hilang semangat dalam mengawal keadaan tersebut sudah pastikan perkara buruk akan berlaku menimpa mereka. Hal ini membuktikan bahawa pengurusan emosi dalam diri amat penting dalam diri agar tidak berlaku perkara-perkara yang buruk dan dapat mengelakkan berlakunya kemalangan dalam diri sendiri.

c. Memotivasikan Diri

Komponen yang ketiga ialah memotivasikan diri. Menurut Goleman (1995) untuk mencapai tahap kecerdasan emosi yang stabil, seseorang harus mampu untuk meningkatkan kemampuan dalam merancang dan mengendalikan fikiran yang baik untuk mencapai sesuatu kejayaan. Oleh itu, untuk menyelesaikan masalah seseorang harus pandai untuk mengurus kawalan perasaan. Seseorang yang pandai mengawal perasaan dianggap sebagai seorang yang mempunyai motivasi yang kuat dalam berusaha untuk mencapai kejayaan sama ada dari segi perasaan, fikiran atau percakapan. Kecerdasan emosi amat mementingkan kawalan perasaan yang mengawal keseimbangan emosi seseorang iaitu kebolehan dalam menguasai keadaan sekeliling. Memotivasikan diri merupakan kawalan emosi yang dapat mencapai kejayaan dan matlamat dalam diri. Perkara ini berlaku hasil daripada sokongan yang diperolehi dari seseorang untuk diri sendiri mencapai sesuatu dengan cara yang betul iaitu melalui kata-kata semangat. Elemen memotivasikan diri amat penting untuk merangsang perubahan emosi dan perasaan seseorang untuk terus berusaha memotivasikan diri. Komponen ini harus dimiliki oleh diri seseorang supaya sesuatu yang berlaku dalam diri dapat dikawal perasaannya. Apabila mempunyai motivasi dalam diri

yang baik, maka seseorang dapat mengawal diri daripada perasaan yang berunsur negatif dalam diri. Oleh itu, dengan adanya motivasi diri akan membentuk peribadi dan sahsiah diri yang lebih baik.

Motivasi sendiri menjadi salah satu elemen yang sangat penting dalam mempengaruhi tingkah laku seseorang semasa melakukan sesuatu perkara untuk mencapai kejayaan. Komponen memotivasikan diri ini juga akan menjadi salah satu cara untuk membangunkan semangat dalam diri seseorang. Menurut Plotnik (2001) motivasi akan melibatkan faktor psikologi dan fisiologi dalam diri serta persekitaran manusia. Seseorang yang menghadapi masalah akan menyendiri untuk memotivasikan dirinya untuk menyelesaikan sesuatu perkara. Hal ini melibatkan perasaan atau keinginan seseorang untuk menggerakkan dirinya ke arah yang lebih baik.

Namun begitu, manusia tidak lari daripada menghadapi perasaan sedih yang akan membuatkan diri mereka bangkit untuk memotivasikan diri. Perkara ini berlaku kerana memotivasikan diri sangat penting dalam diri untuk membentuk sahsiah yang baik. Apabila seseorang mempunyai peribadi yang baik akan membuatkan kehidupannya menjadi tenang dan tidak terganggu daripada melakukan sesuatu yang boleh merosakkan kehidupan.

Berdasarkan kepada komponen memotivasikan diri dari Goleman, iannya memfokuskan kepada bagaimana seseorang individu dalam mengawal perasaan, keadaan dan rasa bimbang yang dimiliki dalam diri. Oleh itu secara tidak langsung akan membuatkan seseorang akan lebih berusaha dengan gigih untuk mencapai kejayaan atau matlamat hidup. Berdasarkan komponen ini, aspek memotivasikan diri juga akan melibatkan rasa kepercayaan terhadap diri sendiri untuk melakukan perubahan hidup agar menjadi seseorang yang boleh mencapai kejayaan.

Berdasarkan kepada komponen memotivasikan diri dalam kecerdasan emosi, ianya dapat dilihat dalam novel *Olumnis* melalui watak Olumnis. Motivasi yang dipamerkan oleh watak tersebut menunjukkan bagaimana watak memotivasikan pendirian dirinya. Motivasi yang ditunjukkan oleh watak adalah bersifat kebolehan watak dalam mengawal diri dalam menghadapi sesuatu keadaan agar keputusan yang dibuat adalah betul dan tepat. Berdasarkan novel *Olumnis* yang menunjukkan komponen

memotivasikan diri dapat dilihat melalui petikan dibawah:

“Pergi Olumnis, selamatkan dirimu dan Kinambura. Ingat apa yang bakal berlaku kamu berdua jangan berpisah.” pujuk bapanya perlahan.

Olumnis tetap dengan pendiriannya tidak akan meninggalkan kedua-dua ibu bapanya. Jika sudah tidak ada pilihan lain, dia akan bersama-sama ibu bapanya di rumah itu.

(Dayang Nazirah Tahir,2018: 62)

Menerusi petikan diatas, jelas menunjukkan bahawa Olumnis mengalami keadaan memotivasikan diri. Komponen memotivasikan diri dapat dilihat apabila Olumnis bertegas untuk menyelamatkan nyawa ibu bapanya dan tidak mahu meninggal ibu bapanya sendiri dirumah walaupun ketika itu air semakin menaiki rumah kayu mereka. Selain itu, dalam petikan ini juga membuktikan bahawa Olumnis tidak bersikap mementingkan dirinya untuk keselamatnya diri tetapi lebih kepada sikap sayang Olumnis kepada keluarganya. Hal ini membuktikan bahawa Olumnis sanggup menghadapi cabaran dan halangan untuk mencari jalan penyelesaian. Disebabkan motivasi yang tinggi dalam dirinya maka Olumnsi berusaha mencari jalan penyelesaian untuk membantu ibu bapanya. Oleh itu, jelaslah menunjukkan bahawa Olumnis merupakan watak yang menunjukkan semangat dari segi memotivasikan dirinya dalam mengawal emosi dan pemikiranya.

4.2.1.2 Kesedaran Sosial

Kesedaran Sosial merupakan perkara yang berkaitan dengan keadaan mental yang membentuk peribadi seseorang. Menurut Goleman (1995) kesedaran sosial satu elemen kecerdasan emosi yang dapat membantu individu untuk mengetahui pandangan orang lain terhadap dirinya. Oleh itu, kesedaran sosial berkaitan tentang memahami situasi seseorang dan merancang untuk mencari cara

berkomunikasi dengan dengan baik. Kesedaran ini melibatkan cara berkomunikasi yang dijalankan antara satu sama lain bagi mendapatkan maklumat. Dalam konteks ini, seseorang mempunyai cara untuk bercakap dengan gaya yang tersendiri.

Kemahiran sosial yang dimiliki berupaya untuk individu untuk mengawal emosi mereka untuk berinteraksi dalam kumpulan sosial yang tersendiri. Kemahiran ini akan menunjukkan kecekapan individu untuk mengawal keberkesanan dalam berkomunikasi. Ciri-ciri kemahiran berdasarkan watak dapat dilihat melalui kemampuan watak membina perhubungan dengan orang lain iaitu merangkumi perasaan empati dalam diri serta keupayaan berinteraksi dengan baik ketika berada disekitaran yang selesa.

a. Empati

Empati menurut Asri Budiningsih (2004) ialah perkataan yang berasal dari Yunani yang bermaksud perasaan yang mendalam.

Manakala menurut Goleman (1995) empati ialah sesuatu yang membina siatuasi dalam keadaan kesedaran sendiri. Seseorang yang mengenal diri akan semakin mengenal dirinya akan semakin cekap mengetahui dan memahami perasaan emosinya dan emosi orang lain. Empati dianggap sebagai kebolehan individu mengetahui dan memahami perasaan dirinya dalam perubahan emosi yang beraku. Empati dianggap merupakan

perasaan simpati yang dirasai oleh hati dengan sesuatu perkara yang terjadi dan menimbulkan rasa kesian dalam diri.

Menurut Carkhuff (Asri Budiningsih) (2004) empati dianggap sebagai keupayaan untuk memahami, mengetahui dan merasai perasaan dalam diri seseorang yang berbicara dengan orang lain sambil meluahkan perasaannya yang dapat dirasai dengan mendalam. Oleh itu, secara tidak langsung akan menimbulkan rasa sedih, gembira dan sebagainya yang membuatkan emosi seseorang menjadi berubah.

Berdasarkan ciri komponen empati dalam kecerdasan emosi, ianya dapat dilihat dalam novel *Olumnis*. Berdasarkan watak Olumnis dan Kinambura yang menunjukkan rasa empati dan simpati kepada watak lain iaitu melalui petikan dibawah.

“Maafkan aku Olumnis , Kinambura dan Manuk Bura. Aku sudah menipu kamu” akhirnya Intagu mengaku dengan nada sedih.

“Sebenarnya tujuan aku hanya untuk suka-suka saja, tapi tidak sangka juga akan sampai menyusahkan kamu berdua. Aku janji tidak akan melakukannya lagi.”

“ Kami boleh memaafkan Intagu, tapi dengan syarat kau pergilah dari sini.” Pujuk Olumnis.”

(Dayang Nazirah Tahir,2018 :125)

Berdasarkan kepada petikan diatas jelaslah menunjukkan bahwa komponen empati terdapat dalam novel *Olumnis* melalui watak Olumnis dan adiknya. Melalui petikan itu, Olumnis menunjukkan rasa simpati terhadap Intagu yang

memintak maaf atas kesalahan yang telah dilakukan oleh Intagu terhadap mereka berdua yang cubamenghitamkan muka Olumnis dan Kinambura. Tindakan Intagu yang ketelaluan telah membuatkan dirinya merasa bersalah dan mengaku atas perbuatan jahatnya terhadap mereka berdua dan merasa menyesal. Maka dengan itu, Olumnis telah meletak syarat bagi mengelakkan perbuatan jahat Intagu berulang lagi. Beliau berbuat demikian adalah untuk menyadarkan Intagu agar tidak melakukan lagi perbuatan tersebut. Melalui keterangan yang diberikan jelas menunjukkan bahawa Olumnis berjaya menyelesaikan masalah yang berlaku keatas dirinya dan adiknya. Hal ii jelas, menunjuk bahawa komponen kesedaran sosial iaitu empati merupakan salah satu komponen yang penting dalam kecerdasan emosi seseorang.

b. Kemahiran Sosial

Kemahiran sosial merupakan kebolehan yang dimiliki daam diri dalam memahami sesuatu perasaan dan menyembunyikan perasaan yang dimiliki. Menurut Goleman (1995) individu yang ada kemahiran sosial yang baik adalah merupakan seseorang yang memiliki perasaan dan jiwa yang berupaya untuk berkomunikasi dengan orang ramai. Hal ini menunjukkan bahawa kemahiran sosial merupakan tingkah laku seseorang yang menerima pandangan orang lain ketika berbicara.

Manakala menurut Philip (1991) kemahiran sosial merupakan satu tindakan yang dibuat oleh seseorang dalam bentuk prihatin agar orang lain yang melihatnya akan memulakan komunikasi yang lebih efektif. Kemahiran ini dinilai sebagai bentuk kemahiran yang mudah difahami dan dibaca melalui aspek kecekapan fikiran dalam berinteraksi dengan khalayak ramai bagi membentuk hubungan yang lebih erat. Kemahiran sosial juga dinilai sebagai tingkah laku yang ditunjukkan oleh individu sama ada golongan muda atau tua dalam bentuk kemahiran sosial yang bersifat harian. Perkara-perkara harian yang melihat perasaan tingkah laku, dan cara percakapan dinilai menjadi satu bentuk kemahiran dalam membuat keputusan.

Oleh itu, berdasarkan novel *Olumnis* komponen kecerdasan emosi dalam bentuk kemahiran sosial dapat dilihat melalui watak Olumnis seperti pertikan dibawah:

“Apa yang terjadi kepada kamu Olumnis, sehingga kamu sanggup datang dari jauh ke kampung ini?” tanya pak cik Olidang sambil membongkokkan sedikit badannya.

“Kampung kami ditenggelami banjir yang amat dasyat. Hampir kesemua rumah di kampung kamidihanyukan air. Kami masih tidak tahu apakah nasin kedua- dua ibu bapa kami. Mudah-mudahan mereka selamat.” kata Olumnis dengan nada sayu.

Kinambura yang berada di samping Olumnis mula menangis apabila mendengarkan kata-kata kakaknya.

(Dayang Nazirah Tahir, 2018:80)

Berdasarkan petikan diatas, jelaslah menunjukkan bahawa Olumnis berjaya menjalankan kemahiran sosialnya dengan bersama penduduk kampung iaitu Pak Cik Olidang. Sikap Olumnis yang pandai berbicara telah membuatkan suasana perjalanan mereka terisi dengan cerita-cerita yang menarik melalui cara penyesuaian keadaan sekeliling. Hal ini jelas menunjukkan keberkesanan dalam menjalankan interaksi yang baik. Hal ini dibuktikan dengan cara layan Olumnis yang amat menghormati orang yang lebih tua berbicara dengan sopan santun. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa komunikasi yang baik akan memudahkan tingkah laku seseorang dalam melakukan sesuatu perkara.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.3 Kesimpulan

Secara kesimpulanya dapat disimpulkan bahawa dalam kajian ini telah memberikan fokus kepada bentuk-bentuk kecerdasan emosi watak wanita berdasarkan kepada Novel *Olumnis* (2018) karya Dayang Nazirah Tahir. Dalam bab ini memberi fokus terhadap analisis bentuk bentuk emosi watak wanita yang melibatkan emosi positif dan emosi negatif yang dominan dalam novel tersebut. Oleh itu, berdasarkan analisis terhadap bab ini telah mendalami secara mendalam berkaitan bentuk-bentuk emosi yang dialami oleh watak wanita yang merangkumi emosi positif dan negatif.

Selain itu, dapat disimpulkan bahawa dalam kajian ini telah memberikan fokus kepada komponen-komponen kecerdasan emosi dalam aspek kesedaran peribadi dan kesedaran sosial yang di hasilkan oleh Goleman dalam bukunya *Emotional Intelligence*. Analisis terhadap komponen-komponen tersebut secara keseluruhannya melibatkan watak wanita yang dianalisis telah mengalami kecerdasan emosi berdasarkan situasi-situasi yang berlaku. Oleh itu, berdasarkan analisis terhadap bab ini telah mendalami secara mendalam berkaitan dengan bagaimana watak wanita mengurus emosi merangkumi mengenali emosi, mengurus emosi, memotivasikan diri, empati dan kemahiran sosial dengan baik.

BAB 5

KESIMPULAN

5.0 Pengenalan

Menerusi bab lima ini, kajian memberi fokus terhadap hasil rumusan daripada kajian yang dilaksanakan. Dalam bab akhir ini akan memberi penekanan terhadap aspek-aspek yang penting dalam kajian yang dilakukan. Aspek-aspek yang dikenalpasti akan membuatkan kajian ini dilihat sebagai kajian yang penting dalam kajian ilmiah. Berdasarkan bab lima ini juga akan membuka minda para pengkaji yang akan membuat kajian yang berkaitan dengan emosi secara lebih mendalam untuk dijadikan sebagai rujukan kepada pengkaji lain.

5.1 Kesimpulan Kajian

Hasil daripada penelitian kajian yang telah dilakukan ini telah memberikann ilmu yang penting terutamanya memahami bentuk-bentuk emosi yang telah dikaji serta dapat meneliti Model Kecerdasan Emosi (MKE) yang dikemukakan oleh Danial Goleman menerusi kajian "*Emotional Intellegence*". Menerusi hasil dapatan yang dibuat telah mengaplikasikan penelitian berdasarkan dari jalan cerita dari novel kajian. Dalam kajian ini memberikan fokus terhadap bentuk emosi dalam watak dan Model Kecerdasan Emosi (MKE) yang terbahagi kepada dua kategori iaitu kesedaran peribadi

dan kesedaran sosial. Oleh itu, hasil dari dapatan novel itu telah menggambarkan bentuk dan nilai kebaikan yang dimiliki oleh watak wanita. Hasil dari analisis yang dibuat ianya telah memenuhi aspek bentuk-bentuk emosi dan Model Kecerdasan Emosi (MKE) yang mempengaruhi sikap seseorang.

Selain itu, menerusi Novel *Olumnis* (2018) karya Dayang Nazirah Tahir terdapat penemuan yang menunjukkan bahawa novel yang dikaji ini bersesuaian dengan penerapan Teori Kecerdasan Emosi Goleman. Hal ini dimana watak-watak wanita yang dikaji menunjukkan tindakbalas bentuk-bentuk emosi yang dapat mempengaruhi kecerdasan emosi mengikut cara dan sifat manusia yang sebenar walaupun terpaksa berdepan dengan pelbagai cabaran kehidupan serta konflik dalam kalangan masyarakat. Hal ini cara tidak langsung akan mempengaruhi perubahan emosi dalam diri seseorang yang menghadapi konflik dalam kehidupan.

Melalui analisis yang dijalankan dapat membuktikan terdapat kehadiran bentuk- bentuk emosi melalui watak wanita iaitu emosi bahagia, hormat, cinta, takut, malu dan marah yang telah telah mempengaruhi perubahan emosi dalam diri watak wanita menerusi novel *Olumnis* karya Dayang Nazirah Tahir. Kajian ini telah di bahagikan kepada dua bahagian iaitu melalui bentuk emosi positif dan bentuk emosi negatif yang dapat dilihat dalam novel seterusnya dikupas dengan lebih mendalam bagi menjawab persoalan kajian. Bentuk-bentuk emosi yang dikenal pasti akan dikupas berdasarkan watak wanita.

Di samping itu, hasil daripada analisis kesedaran diri dalam komponen mengenal emosi telah membuktikan bahawa watak wanita dapat mengenali dan memahami emosi mereka dalam keadaan apa sekali pun. Hal ini kerana mengenal emosi amat penting dalam diri seseorang agar dapat mengawal emosi dan tindakan mereka secara rasional. Hal ini dapat dilihat menerusi watak wanita yang bijak untuk memahami dan mengenali emosinya dengan membuat kawalan emosi secara baik bagi mengelakkan berlakunya emosi negatif yang tidak dapat dikawal dengan baik. Dengan pengawalan dan mengenali emosi watak wanita akan dapat mengawal perasaan dan hatinya dengan baik.

5.2 Cadangan Kajian

Berdasarkan analisis dan perbincangan yang dilakukan dalam kajian, Pengkaji telah memberikan beberapa cadangan yang boleh diketengahkan dalam kajian yang akan datang. Hal ini kerana, kecerdasan emosi dalam novel *Olumnis* ini dapat memberikan pendedahan dan gambaran tentang bentuk-bentuk emosi positif dan negatif dalam mendorong pengkaji untuk melaksanakan kajian. Oleh itu, terdapat beberapa cadangan yang telah diusulkan oleh pengkaji agar kajian ini menjadi salah satu panduan dalam kajian akan datang.

5.2.1 Pengkaji Lain

Cadangan pertama adalah diharapkan kajian yang dilakukan ini dapat dijadikan panduan kepada pengakaji lain untuk menambah baik kajian dengan tidak mengeneipkan aspek kecerdasan emosi dalam karya yang dihasilkan. Diharapkan aspek kecerdasan emosi yang diterapkan ke dalam sesebuah karya juga dijadikan sebagai sumber manfaat kepada pembaca bagi membentuk jati diri dan dapat membangunkan kecerdasan emosi dalam diri pembaca terutamanya karya-karya sastera yang menjentik hati dan jiwa pembaca. Hal ini secara tidak langsung akan mempengaruhi keperibadian dalam diri.

Cadangan yang seterusnya ialah pengaplikasian teori Kecerdasan Emosi Goleman berdasarkan bentuk-bentuk emosi dari Goleman yang dinyatakan, diharapkan dapat diubah kepada bentuk peringkat dan skala berdasarkan tahap pencapaian emosi seseorang. Hal ini dengan menggunakan penggunaan jadual bagi memudahkan pemahaman bentuk tahap emosi seseorang.

Sebagai contohnya tahap emosi gembira dipecahkan kepada beberapa tahap seperti emosi bahagia kepada gembira, gembira kepada terhibur, terhibur kepada senang. Bentuk-bentuk emosi ini dapat dikelaskan menjadi tahap dan skala yang boleh membezakan setiap emosi bahagia dalam diri seseorang. Hal ini dapat memudahkan pengkaji membezakan tahap bentuk setiap

emosi bahagia dalam bentuk jadual dan skala agar ukuran mudah dikenal pasti dan diukur.

Selain itu, melalui kajian yang dilakukan iaitu analisis terhadap novel *Olumnis* karya Dayang Nazirah Tahir (2018) yang menggunakan penerapan Teori Kecerdasan Emosi. Namun begitu, novel ini juga sesuai dianalisis dengan menggunakan pendekatan lain seperti Teori Sosiologi, Teori Moral dan Teori Budaya. Hal ini kerana novel ini juga mengandungi nilai moral dan pengajaran yang dapat meningkatkan sahsiah serta nilai kecerdasan emosi watak dalam novel. Diharapkan kajian terhadap penggunaan teori yang lain dapat memberi nilai tambah dalam kajian melalui novel *Olumnis* karya Dayang Nazirah Tahir kepada pengakaji lain.

Melalui kajian yang dilakukan, pengkaji berharap kajian ini dapat dijadikan panduan dan memberikan manfaat kepada pengkaji lain khususnya dalam aspek kecerdasan emosi dalam kajian novel yang dihasilkan. Melalui aspek-aspek kecerdasan emosi yang terdapat dalam karya dapat memberi nilai tambah kepada pembaca dan pengkaji untuk meningkatkan nilai kecerdasan emosi dalam diri pembaca melalui karya yang dibaca secara tidak langsung akan menyuntik perasaan dan kesan terhadap jiwa pembaca dalam membina jati diri agar membentuk emosi diri yang baik.

5.2.2 Masyarakat

Cadangan yang dapat dilakukan yang seterusnya ialah peranan masyarakat dalam membentuk peribadi diri yang mantap agar mengelakkan diri dipengaruhi dengan perkara-perkara yang boleh merosakkan akidah dan akhlak dalam diri seseorang. Oleh itu kerjasama dalam kalangan masyarakat juga merupakan salah satu langkah yang penting dan tidak boleh dipandang rendah. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat merupakan tulang belakang dan pemangkin dalam membentuk modal insan yang berjiwa teguh dengan ajaran agama. Dengan tiadanya pegangan agama hal ini secara tidak langsung akan merosakkan akhlak dan emosi seseorang individu. Hal ini akan mendatangkan pengaruh yang negatif dalam memahami kawal emosi dalam diri.

Amalan serta perilaku yang ditonjolkan oleh masyarakat merupakan salah satu langkah dalam membentuk peribadi seseorang. Hal ini secara tidak langsung akan memberikan impak yang besar dan positif dalam mempengaruhi tindakan seseorang secara waras tanpa merosakkan emosi dan fikiran. Dengan adanya perasaan masyarakat dalam membendung peparuh negatif yang boleh merosakkan emosi dan fikiran seseorang hal ini dapat melahirkan masyarakat yang dapat hidup secara harmoni dan sejahtera kerana masyarakat mempunyai kesedaran dalam memahami pengawalan emosi dalam diri.

5.2.3 Negara

Melalui kajian ini juga, pengkaji mengharapkan kajian ini dapat memberi nilai tambah dalam membina modal insan yang berakhlak mulia dalam memahami kecerdasan emosi dalam diri seseorang terutamanya golongan wanita. Disamping itu, diharapkan kajian ini dapat memberikan pendedahan dalam memahami kepentingan kecerdasan emosi dalam diri masyarakat yang perlu dipupuk sejak dari bangku sekolah lagi. Melalui kajian ini juga komponen kecerdasan emosi juga dilihat amat memainkan peranan yang penting dalam membina jati diri seseorang yang baik.

Penghayatan terhadap prinsip Rukun Negara merupakan salah satu langkah dalam membina jati diri seseorang. Dengan mengangkat Rukun Negara sebagai panduan hidup menjad asas dalam pembentukan negara bangsa yang berakhlak mulia malahan juga dapat membentuk sahsiah dan emosi masyarakat yang berdaya saing dalam menjadi modal innsan yang berakhlak mulia. Perkara ini seiring dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Negara (PPN) yang mementing sahsiah dalam diri seseorang yang perlu dibina sejak dari bangku sekolah bagi membina pembangunan modal insan dan sosial yang tinggi kerana dengan adanya pendidikan akan menjadi pencetus kepada kreativiti dan inovasi dalam diri seseorang. Oleh itu, pembinaan minda dan fikiran akan meningkatkan kecerdasan emosi yang baik dalam diri.

5.3 Penutup

Kesimpulannya, keseluruhan kajian ini menerangkan tentang kecerdasan emosi watak wanita yang terdapat dalam novel *Olumnis* karya Dayang Nazirah Tahir. Kesemua analisis dan hujahan yang dibuat dikukuhkan dan disokong menggunakan Teori kecerdasan Emosi Goleman (1995). Teori Kecerdasan Emosi Goleman (1995) merupakan salah satu teori yang sesuai dalam memahami bentuk emosi dalam diri seseorang. Hasil daripada kajian ini juga telah membuktikan terdapat bentuk-bentuk emosi sama ada positif dan negatif dalam novel tersebut yang telah mempengaruhi bentuk emosi dalam watak wanita dan hal ini secara tidak langsung mempengaruhi perubahan emosi seseorang dalam mengawal perubahan emosi. Kajian ini juga memberi fokus terhadap Komponen Kecerdasan Emosi (MKE) oleh Danial Goleman dalam memahami bentuk emosi watak dalam novel. Oleh itu, Kajian-kajian berkaitan dengan kecerdasan emosi perlu diperbanyakkan agar masyarakat dapat memahami emosi dan dapat mengetahui perubahan yang mempengaruhi emosi seseorang agar dapat mengelakkan perkara buruk dari berlaku terhadap diri sendiri dan keluarga.

Secara keseluruhannya, melalui bab lima ini telah menjelaskan tentang kesimpulan dan cadang terhadap hasil analisis yang telah dijalankan. Melalui kesimpulan ini, secara tidak langsung memberikan kefahaman kepada pengkaji terhadap apa yang ingin dicapai dalam kajian ini. Kesimpulan-kesimpulan ini dibuat berdasarkan kepada objektif kajian yang telah diutarakan dalam kajian ini. Berdasarkan cadangan-cadangan yang diutarakan

ini, ianya memberikan idea kepada pengkaji untuk meluaskan skop kajian yang bukan hanya berfokuskan terhadap emosi dan komponen Goleman, bahkan untuk sudut lain juga boleh dikenal pasti.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

RUJUKAN

- Adnan al-Sharif. (1987). *Min 'ilm al-nafs al-Qur'an*. Beirut: Dar al-'Ilm Lil-Malayin.
- Afifah, T.N. (2025). *Kecerdasan Emosi Tokoh Utama Novel Kembang Kantil karya Senggono*. Joyyakarta.
- Ahmad Sunawari Long. (2008). *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Borba Michele. (2006). *Membangun Kecerdasan Moral Tujuh Kebajikan Utama Agar Anak Bermoral Tinggi*. Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama.
- Brayman, A. (2008). *Social Rearch Methods*. New York: Oxford University Press.
- Brigham, J.C. (1991). *Social Psychology*. New York: Harper Collins Publisher.
- Chaplin, J. (1998). *Dictionary Of Psychology*. New York: McGraw -Hill.
- Crawford, J., & Irving, C. (2009). Information Literacy In The Workplace: A Qualitative Exploratory Study. *Journal Of Librarianship And Information Science*, 41(1), 29-38.
- Derani, R. (2004). *Persepsi Ibu Bapa Terhadap Faktor-Faktor Keruntuhan Akhlak Remaja Islam Masa Kini: Satu Tinjauan Di Taman Aman Anak Bukit, Alor Setar Kedah* (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia).
- Desi, L. (2022). *Kecerdasan Emosional Dalam Novel Si Putih Karya Tere Liye (Pendekatan Psikologi Sastra)* (Doctoral Dissertation, Ikip Pabri Pontianak).
- Deviana, R. (2022). *Perwatakan Tokoh Dalam Novel Putri Komodo Karya Michael Yudha Winarno* (Doctoral dissertation, Universitas Islam Riau).
- Dilah, G. (2021). *Kecerdasan Emosional Tokoh Perempuan Muslimah dalam Novel Assalamualaikum Beijing Karya Asma Nadia*. Diglosia: Jurnal Kajian Bahasa, Sastra, dan Pengajarannya, 4(1), 37-48.
- Duval, T. S., & Wicklund, R. A. (1972). *A Theory Of Objective Self-Awareness*. New York: Academic Press
- Edo, A., Suhardi, S., & Legi, E. (2020). *Analisis Watak Tokoh Dalam Kumpulan Cerita Rakyat Kabupaten Kepulauan Anambas* (Doctoral dissertation, Universitas Maritim Raja Ali Haji).
- Erlina, E. (2017). Analisis Unsur Ekstrinsik novel Sang Pemimpi karya Andrea Hirata. *Jurnal Kata: Penelitian tentang Ilmu Bahasa dan Sastra*, 1(2), 137-143.
- Furi Aristyasari, Y., Azhar, C., & Galihaningtresna, W. N. (2022). Model Pendidikan Qur'ani dalam Mengembangkan Kecerdasan Emosional. *DAYAH: Journal of Islamic Education*, 5(1).

- Golemen, D. (1995). *Emotional intelligence*. New York. United States of America: Bantam Books.
- Golemen, D. (1998). *Working with emotional intelligence*. Great Britain. Bloomsbury Publishing Plc.
- Goleman, Daniel. (1996). *Working With Emotional Intelligence*. Bloomsbury Publishing Plc. England. Terjemahan T. Hermaya. 2009. *Kecerdasan Emosional Mengapa EILebih Penting Daripada IQ*. PT Gramedia Pustaka Utama. Jakarta.
- Hamzah, N. (2014). *Evolusi Emosi Novel Zaharah Nawawi* (Doctoral dissertation, Universiti Pendidikan Sultan Idris).
- Jatikumoro, d. C. (2017). *Bentuk-Bentuk Emosi Tokoh Utama Pada Novel Sebelas Patriot Karya Andrea Hirata* (Doctoral dissertation, Universitas Muhammadiyah Purwokerto).
- Kulyk, O., Gerber, P., El Hanafi, M., Reinheimer, B., Renaud, K., & Volkamer, M. (2016). *Encouraging Privacy-Aware Smartphone App Installation: Finding Out What The Technically-Adept Do*.
- Mahadi, M., & Ali, T. I. M. T. M. (2018). *Perbandingan Dominasi Bentuk Emosi Lelaki Dalam Novel Penyeberang Sempadan Dengan Kafka On The Shore*. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 29(1), 30-50.
- Ma`rof, R., & Haslinda, A. (2002). *Psikologi, ed. 2.*, Universiti Putra Malaysia: McGraw Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Mayer, Jd., 7 Solovery. P& Caruso, D. (1997). *Model Of Emotional Intelligence* In R.J Sternberg (Ed) *The Handbook og Intelligence*. In R.J Sternberg (Ed), *The Handbook og Intelligence* 2nd edition. New York: University Press.
- Mendatu, Achmanto. (2010). *Emosi Manusia: Arti, Ragam Jenis, Sebab dan Akibatnya*. Cetakan 2. Psikoeduka. Yogyakarta.
- Misno, M., Mursalim, M., & Dahlan, D. (2022). *Perwatakan Dan Nilai Moral Tokoh Utama Novel Laskar Pelangi Dan Novel Mimpi Anak Pulau: Kajian Sastra Bandingan*. *Ilmu Budaya: Jurnal Bahasa, Sastra, Seni, dan Budaya*, 6(2), 359-371.
- Munanto, S., & Rahima, A. (2020). *Watak Tokoh Protagonis dalam Novel Perang KaryaI Gusti Ngurah Putu Wijaya*. *Aksara: Jurnal Ilmiah Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*, 4(1), 103-110.
- Nasrin, N., & Morshidi, A. H. (2019). *Kecerdasan Emosi (Ei) Dan Perbezaan Gender Dalam Pekerjaan: Emotional Intelligence (Ei) And Gender Differences in Employment*. *Jurnal Kinabalu*.
- Nazira, N. A., Mahbob, M. H., Jamri, M. H., Hassan, M. S., Rani, N. S. A., & Khairuddin, K. (2022). *Kepentingan Kecerdasan Emosi: Suatu Pemerhatian Awal*. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(4), e001431-e001431.

- Nazrin, M., Setar, K. V. A., & Ismail, S. F. S. (2021). *Gambaran perwatakan watak wanita dalam siri animasi bergenre aksi*. Prosiding, 116.
- Nurma, N., Wardarita, R., & Missriani, M. (2022). *Konflik dan Watak Tokoh dalam Novel Kembara Rindu Karya Habiburrahman El Shirazy: Kajian Psikologi Sastra*. *Jurnal Educatio FKIP UNMA*, 8(2), 696-702.
- O'Connor, P. J., Hill, A., Kaya, M., & Martin, B. (2019). *The measurement of emotional intelligence: A critical review of the literature and recommendations for researchers and practitioners*. *Frontiers in psychology*, 10, 1116.
- Plotnik, R. & H.Kouyoumdian. (2001). *Motivating Employees to Act Athically: An Expectancy Theory Approach*. *Journal of Business Ethics*18(3): 295-304.
- Ridwan, M. H. (2018). *Analisis Watak Tokoh dalam Novel Kitab Cinta Yusuf Zulaikha Karya Taufiqurrohman al-Azizi*. *Jurnal Darussalam: Jurnal Pendidikan, Komunikasi Dan Pemikiran Hukum Islam*, 9(2), 398-408.
- Rohmah, B., Suharto, V. T., & Saputro, A. N. (2022). *Kecerdasan Emosi Hanum Dalam Novel "I Am Sarahza Karya Hanum Sr Dan Rangga A.(Kajian Psikologi Sastra)*. In shambhasana: Seminar Nasional Bahasa, Sastra, dan Pengajarannya (Vol. 1, No. 1, pp. 139-151).
- Saparwadi, S., & Sahrandi, A. (2020). *Mengenal Konsep Danial Goleman Dan Pemikirannya dalam Kecerdasan Emosi*. *Al Musyrif: Jurnal Bimbingan danKonseling Islam*, 4(1), 17-36.
- Sohaimi Abdul Azizi. (1998). *Membentuk Kecerdasan Emosi Kanak-Kanak Melalui Kesusasteraan Kanak-Kanak*. Pulau Pinang. Malaysia: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Stevenson, N. (2006). *Young Person's Character Education Handbook*. United State of America: JIST Publishing Inc.
- Sumardjo, Jakob dan Saini K. M. (1997). *Apresiasi Kesusasteraan*, Jakarta: Gramedia.
- Tahir, D.N.(2018). *Olumnis*. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Tallis, F., Eysenck, M., & Mathews, A. (1991). *Elevated evidence requirements and worry*. *Personality and Individual Differences*, 12(1), 21-27.
- Ummah, A., Yunan, E. M., Dendi, D., & Milza, M. R. (2022). *Pandangan Islam Liberal Terhadap Hak Perempuan*. *Parapolitika: Journal of Politics and Democracy Studies*, 3(2), 199-212.
- Wahyuni, N. P. D. S. (2010). *Sehat dan Bahagia dengan Senam Bugar Lansia*. *Jurnal Penjakora Fakultas Olahraga dan Kesehatan*, 3(1), 66-77.
- Wan Mohd Zain, W. N. (2015). *Kecerdasan Emosi dalam Novel Remaja/Wan Norlidza binti Wan Mohd Zain* (Doctoral dissertation, University of Malaya).

Yusoh, M. H., & Aziz, J. (2018). *Pemeriksaan Watak Wanita Dalam Filem Berunsurkan Islam: Kajian Kes "Ketika Cinta Bertasbih"*. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 18(1).

Zaidatul Akmaliah Lope Pihie & Soaib Asimiran (2011). *Transformasi Kepemimpinan Pendidikan: Cabaran dan Hala Tuju*. Penerbit UPM Serdang, Selangor.



UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN